



PELAMPAU KEGANASAN di Malaysia

Sejarah, Isu & Ancaman

Penyunting:

Kamarulnizam Abdullah

Norazam Mohd Noor

Jamaliah Said

Lokman Effendi Ramli

PELAMPAU KEGANASAN di Malaysia Sejarah, Isu & Ancaman

Penyunting:
Kamarulnizam Abdullah
Norazam Mohd Noor
Jamaliah Said
Lokman Effendi Ramli



IPSOM
Kementerian Dalam Negeri
Putrajaya



USIM
PENERBIT USIM
Bandar Baru Nilai
Negeri Sembilan Darul Khusus

2024

Cetakan Pertama 2024

© Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSOM) Kementerian Dalam Negeri dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada IPSOM dan USIM terlebih dahulu.

Diterbitkan dengan kerjasama:

Penerbit USIM
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai 71800 Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel: 06-798 6271/6272
Faks: 06-798 6083
www.penerbit.usim.edu.my
penerbit@usim.edu.my

Institut Keselamatan Awam Malaysia
Aras 7, Setia Perkasa 1, Kompleks Setia Perkasa, Kementerian Dalam Negeri, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62546 Putrajaya, Malaysia.
Tel: 03-8886 8228
Faks: 03-8889 1676

Dicetak oleh:
FIRDAUS PRESS SDN BHD
No. 28, Jalan PBS 14/4, Taman Perindustrian Bukit Serdang
43300, Seri Kembangan, Selangor
Tel : 03-8940 5595 | Faks : 03-8940 5595
onlineprint@gmail.com



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-7636-84-9

*Buku ini didedikasikan kepada
wira negara yang gugur
akibat kerakusan manusia
mempertahankan idea mereka
yang ganas dan tidak bertamadun.*

KANDUNGAN

SENARAI GAMBAR RAJAH DAN JADUAL KATA PENGANTAR KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN DALAM NEGERI PRAKATA	xi xiii xv
PENGENALAN <i>Kamarulnizam Abdullah, Norazam Mohd Noor, Jamaliah Said & Lokman Effendi Ramli</i>	17
BAB 1 SEJARAH DAN EVOLUSI PELAMPAU KEGANASAN DI MALAYSIA <i>Muhammad Rashidi Wahab, Mohd Hizam Hanafiah & Ahmad Norisham Maarus</i>	35
BAB 2 EVOLUSI KOMUNISME DAN SOSIALISME <i>Nur Ayuni Mohd Isa, Norliah Selamat & Norazam Mohd Noor</i>	72
BAB 3 EKSTREMIS POLITIK PERKAUMAN: CABARAN SELEPAS KEMERDEKAAN DAN ERA GLOBALISASI <i>Mohd Izani Mohd Zain & Noor Azhar Mistar</i>	92

BAB 4	117
GERAKAN ETNONASIONALISME LUAR <i>Kamarulnizam Abdullah, Rafidah Mohamad Noor, Aemran Mustafa, Mohd Sharil Mohd Shah & Asrul Shah Razali</i>	
BAB 5	138
WACANA GOLONGAN PELAMPAU MENYALAH NI LAI WASATIYYAH DAN FITRAH <i>Abdullaah Jalil, Muhammad Rashidi Wahab, Afzal Izzaz Zahari & Mohd Fauzi Hamat</i>	
BAB 6	159
GERAKAN PELAMPAU AGAMA: SATU ANALISIS <i>Ahmad El-Muhammady, Danial Mohd Yusof, Raja Muhammad Khairul Akhtar Raja Mohd Naguib & Asma Muhammad Uthman El-Muhammady</i>	
BAB 7	180
NARATIF EKSTREMIS DAN MEDIA SOSIAL DI MALAYSIA: MERUNGKAI LANDSKAP DALAM TALIAN <i>Ahmad El-Muhammady, Maslinawati Mohamad, Nor Balkish Zakaria & Asma Muhammad Uthman El- Muhammady</i>	
BAB 8	198
GERAKAN PELAMPAU DAN EKONOMI <i>Farah Aida Ahmad Nadzri, Nur Aima Shafie, Norhayati Mohamed & Norazida Mohamed</i>	

BAB 9	223
RANGKA KERJA PEMBIAYAAN KEGANASAN DI MALAYSIA	
<i>Noor Haslina Ismail, Sharifah Nazatul Faiza Syed Mustapha Nazri, Salwa Zolkafli, Eley Suzana Kasim & Fazlida Mohd Razali</i>	
BAB 10	239
STRATEGI MENANGANI ANCAMAN PELAMPAU	
<i>Kamarulnizam Abdullah, Jamaliah Said & Lokman Effendi Ramli</i>	
BIODATA PENYUNTING	273
BIODATA PENULIS	275
INDEKS	287

SENARAI GAMBAR RAJAH DAN JADUAL

Gambar Rajah 1.1:	Modus Operandi dan Ideologi Kumpulan Pelampau Keganasan Pascamerdeka Sehingga 2000	47
Gambar Rajah 1.2:	Modus Operandi dan Ideologi Kumpulan Pelampau Keganasan Pasca 2000	60
Gambar Rajah 1.3:	Radikalisme dalam Islam	65
Gambar Rajah 5.1:	Wacana Golongan Pelampau Ekstrem dan Liberal	153
Gambar Rajah 6.1:	Fahaman Arus Perdana dan <i>Offshoot</i> daripada Arus Perdana yang Menjadi Fahaman Radikal dan Melampau	163
Gambar Rajah 6.2:	Kerangka Konseptual Pelbagai Dimensi	164
Gambar Rajah 6.3:	Fahaman Arus Perdana <i>VS</i> Titik Penyelewengan (Point of Deviation/POD) dalam Pemikiran Pelampau	170
Gambar Rajah 6.4:	Impak Kewujudan Pelampau Agama kepada Negara	174
Gambar Rajah 7.1.	Tiga Fasa Pengrekrutan ke dalam Kumpulan Radikal	186
Gambar Rajah 7.2:	Imej dan Naratif yang Digunakan oleh Kumpulan Gagak Hitam untuk Menarik Minat Orang Baharu dalam Proses Pengrekrutan	188

Gambar Rajah 7.3:	Perkongsian yang Dibuat oleh Ahli Kumpulan Telegram dalam Proses Pengrekrutan dan Radikalisasi	189
Gambar Rajah 7.4:	Bacaan Lafaz Bai'ah yang Dibuat oleh Anggota Kumpulan Telegram Gagak Hitam kepada Pemimpin Daesh Abu Bakar Al-Baghdadi	190
Jadual 7.1:	Lima Langkah yang Dilakukan oleh Pemilik Akaun Telegram untuk Merekrut Orang Baharu ke dalam Kumpulan Ekstremis	191
Gambar Rajah 7.5:	Manifesto <i>The Great Replacement: Towards A New Society</i> yang ditulis oleh Brenton Tarrant	193
Gambar Rajah 7.6:	Imej Pembunuh Brenton Tarrant Bersiaran Secara "Live" Melalui Platform Facebook dalam Serangan Masjid Al Noor dan Linwood Islamic Centre Bandar Christchurch, New Zealand	194
Gambar Rajah 8.1:	Nilai Teras Keselamatan Negara	199
Jadual 8.1:	Skor GTI berbanding KDNK dan Nilai MPI (2022)	202
Jadual 8.2:	Komposisi Kesan Keganasan Ekonomi Global Berdasarkan Nilai PPP (2019)	207

Kata Pengantar

Ketua Setiausaha

Kementerian Dalam Negeri

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Terdapat banyak faktor yang saling berhubung sehingga terdapatnya fahaman radikal, ekstremisme dan keganasan. Radikalisme politik misalnya boleh wujud akibat daripada keteguhan individu atau kumpulan tertentu mempertahankan ideologi atau sokongan politik kepada golongan yang dipercayai dapat membawa perubahan kepada sesebuah negara. Gerakan kumpulan radikal dan ekstremis apabila melibatkan unsur-unsur seperti senjata, rusuhan dan hasutan ke arah penentangan secara sembunyi atau terang-terangan akan dikategorikan sebagai pelampau keganasan. Natiujahnya, apa jua jenis fahaman radikal sama ada berpaksikan politik, agama, sosial mahupun pengaruh luar haruslah diawasi supaya tidak berkembang ke arah keganasan.

Dalam era globalisasi dan kepantasan teknologi digital, pengaruh pelampau keganasan dapat tersebar secara pantas dan meluas jika tidak dibendung lebih awal. Perkembangan pesat teknologi digital ini, walau bagaimanapun wajar dimanfaatkan oleh pegawai awam dan agensi penguatkuasaan bagi menangani penularan fahaman keganasan di alam maya. Ancaman jenayah keganasan yang semakin kompleks ini juga menuntut kesiagaan yang tinggi dalam kalangan agensi penguatkuasaan. Begitu pun, tanggungjawab untuk mengekang dan membanteras penularan jenayah keganasan ini bukanlah hanya digalas oleh agensi penguatkuasaan, namun

memerlukan kerjasama erat daripada pelbagai lapisan kumpulan masyarakat. Hal ini adalah sejajar dengan hasrat Dasar Keselamatan Negara dan Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam iaitu “Keselamatan Negara Tanggungjawab Bersama”.

Alhamdulillah, buku *Pelampau Keganasan di Malaysia: Sejarah, Isu dan Ancaman* ini dapat diterbitkan hasil kolaborasi strategik Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSOM), Kementerian Dalam Negeri (KDN) dengan pasukan penyelidik Kajian Pembangunan Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Mencegah dan Menangani Fahaman Pelampau Keganasan serta beberapa pakar dalam bidang berkaitan.

Akhir kata, sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada sidang penyunting dan penulis yang telah bertungkus-lumus dalam menghasilkan buku ini dengan jayanya. Semoga usaha ini dapat meningkatkan kesedaran awam terhadap isu-isu keselamatan dan ketenteraman awam.

Sekian, wassalam.

Datuk Awang Alik Bin Jeman

Prakata

Buku *Pelampau Keganasan Di Malaysia: Sejarah, Isu Dan Ancaman* ini adalah sebahagian daripada projek penyelidikan dalam membangunkan Pelan Tindakan Kebangsaan Bagi Mencegah dan Menangani Fahaman Pelampau Keganasan (National Action Plan for Preventing and Countering Violent Extremism) atau NAPPCVE. Projek yang diketuai oleh Universiti Teknologi Mara (UiTM) ini turut dianggotai oleh para penyelidik dari Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA).

Projek NAPPCVE ini juga telah mendapat perhatian khusus daripada YB Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, iaitu beliau sendiri terlibat dalam memberi beberapa pendapat bagi memastikan pelan tindakan yang dirangka mencapai hasrat kerajaan dalam membendung fahaman melampau dan radikal yang boleh menjejaskan keselamatan negara.

Sekalung penghargaan juga dihulurkan kepada Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSOM) yang bukan sahaja menyediakan dana penyelidikan tetapi juga menjadi rakan strategi bagi memastikan buku suntingan ini dapat diterbitkan.

Pihak penyunting dan penulis juga ingin merakamkan penghargaan kepada mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sewaktu proses pembangunan NAPPCVE dan

seterusnya penerbitan buku ini. Mereka terdiri daripada para pegawai keselamatan yang terlibat dalam isu yang dibincangkan, pakar bidang, pemimpin politik, dan juga Pertubuhan Masyarakat Sivil (CSO) yang memberikan buah fikiran dan cadangan yang amat berguna untuk diketengahkan.

Akhir sekali, para penyunting dan penulis menghargai komitmen yang ditunjukkan oleh pasukan kerja Penerbit USIM bagi memastikan buku ini dapat diterbitkan sepertimana yang dijadualkan.

Penyunting:

**Kamarulnizam Abdullah, Norazam Mohd Noor,
Jamaliah Said, Lokman Effendi Ramli**

PENGENALAN

*Kamarulnizam Abdullah, Norazam Mohd Noor,
Jamaliah Said & Lokman Effendi Ramli*

Keganasan melampau terbentuk daripada pelbagai orientasi sama ada daripada individu ataupun kumpulan. Aksi keganasan ini terhasil daripada sikap untuk mempertahankan ideologi politik yang berbeza daripada penerimaan majoriti ataupun luar daripada sistem yang diamalkan oleh sesuatu masyarakat atau negara. Ideologi yang ingin diperjuangkan dinilai melampau daripada pegangan nilai dan norma masyarakat. Namun mereka yang memegang kuat ideologi yang “menyongsang” ini percaya bahawa ideologi tersebut dapat memperbaiki kepincangan masyarakat ataupun menstrukturkan semula negara. Mereka ini merupakan golongan minoriti tetapi percaya bahawa ideologi mereka boleh diterapkan walaupun dengan menggunakan keganasan.

Di Barat wujud persaingan dan perdebatan antara golongan kanan dan kiri daripada pelbagai aspek – politik, sosial, ekonomi dan keselamatan. Fahaman berhaluan kanan menekankan kepada kebebasan ekonomi dan sosial seperti hak asasi manusia dan prinsip pasaran bebas. Mereka ini sering dikaitkan dengan kumpulan yang memperjuangkan kapitalisme dan demokrasi bebas. Mereka percaya bahawa peranan kerajaan dalam sistem bermasyarakat dan bernegara perlu minimum. Tetapi, golongan ini juga mempertahankan nilai-

nilai konservatif masyarakat dengan menekankan keutamaan sistem kekeluargaan, kepentingan agama, penolakan kepada isu pengguguran bayi yang dilihat mengancam nilai dan norma masyarakat. Dalam mengekalkan keselamatan negara dan masyarakat, politik berhaluan kanan selalunya menekankan aspek kepatuhan undang-undang dan menyokong langkah-langkah penguatkuasaan undang-undang yang ketat dan pendekatan punitif terhadap keadilan jenayah.

Namun sayap pelampau golongan ini pula mempunyai pandangan yang jauh berbeza. Sayap pelampau berhaluan kanan menekankan kepimpinan politik yang bercorak fasisme, authoritarianisme dan totalitarianisme iaitu pemerintah yang dilantik harus memainkan peranan lebih dominan dalam sistem berkerajaan. Mereka ini kadangkala digelar sebagai sayap kanan popular (Right-wing populism) yang mempunyai pendirian skeptikal terhadap institusi demokrasi. Sebahagian daripada sayap kanan radikal ini pula mempunyai kebanggaan semangat kebangsaan dan kepercayaan yang tinggi kepada negara mereka. Kumpulan ini mempunyai sifat nasionalisme yang tinggi (ultra-nasionalisme) dengan pemikiran politik yang sempit dan melihat ke dalam (inward looking).

Golongan berfahaman kiri dalam kalangan masyarakat Barat pula lebih cenderung kepada dasar sosial yang progresif. Ini berbeza dengan golongan kanan konservatif yang mahu mempertahankan nilai tradisi. Golongan kiri ini memperjuangkan kesaksamaan gender dan sosial melalui reformasi yang progresif melalui campur tangan kerajaan dalam ekonomi, dan tanggungjawab kolektif antara masyarakat dan negara dalam mempertahankan keadilan sosial. Sikap dan kepercayaan yang progresif ini membawa mereka menyokong kepada gerakan hak LGBTQ (Lesbian, Gay, Bisexual, Transgender and Queer), perkahwinan sesama jenis, hak untuk melakukan pengguguran bayi, dan “menghukum” orang kaya dengan cukai yang tinggi hingga mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi dan etnik.

Sayap pelampau berhaluan kiri, berbeza dengan berhaluan kanan, lebih cenderung menggunakan kekerasan bagi mencapai maksud politik mereka. Contoh sayap pelampau berhaluan kiri, atau

dikenali sebagai *far-left*, adalah gerakan sosialisme dan komunisme yang percaya kepada perubahan struktur politik dan masyarakat secara revolusi. Bagi mereka, penggunaan kekerasan adalah jalan yang terbaik bagi menumbang kerajaan yang dilihat tidak berupaya memperkenalkan satu pembaharuan pendekatan atau dasar yang agresif bagi menstrukturkan semula negara dan masyarakat.

Di Malaysia, keganasan melampau bukanlah satu fenomena baharu. Orientasi kumpulan pelampau yang bersifat ganas, sama ada yang berhaluan kanan atau kiri seperti konteks Barat, boleh dibahagikan kepada tujuh. Tiga orientasi bersifat struktural – etnonasionalisme, sosial dan agama. Manakala dua orientasi lagi bersifat sosiobudaya kontemporari seperti isu gengsterisme dan ancaman kumpulan pelampau luar. Golongan ini membawa nilai-nilai luar yang bertentangan dengan praktik dan norma kehidupan masyarakat Malaysia. Kumpulan terakhir pula terdiri daripada golongan radikal yang tidak mempunyai kecenderungan untuk menggunakan taktik ganas, namun mereka boleh mencabar norma dan nilai serta menimbulkan kegelisahan kehidupan masyarakat negara dengan ideologi yang dibawa. Golongan ini sering dilabelkan sebagai “*not yet violent*” tetapi mempunyai potensi menggunakan pendekatan kekerasan melampau jika diprovokasi. Namun demikian, menurut Ramakrishna (2017), terdapat garisan kabur antara “yang belum ganas lagi” dan “yang bertindak ganas” kerana wujud pertimbangan kesesuaian dan pragmatik yang lain hingga menyebabkan golongan “yang belum lagi” ganas ini menolak prinsip keganasan dalam gerakan mereka.

Persoalan yang timbul mengapa kumpulan pelampau bertindak ganas dalam mencapai objektif “perjuangan” mereka? Apakah yang telah memotivasikan mereka untuk bertindak ganas?

Tiada jawapan khusus yang boleh memberikan penjelasan umum mengapa individu ataupun kumpulan pelampau mengambil keputusan menggunakan kekerasan dan bertindak ganas. Kumpulan yang sebelum ini dilabelkan sebagai pengganas seperti Palestinian Liberation Organisation (PLO), Harakat al-Muqawama al-Islamiya (Islamic Resistance Movement) atau Hamas, Irish Republican

Army (IRA), Gerakan Aceh Merdeka (GAM) dan Mindanao National Liberation Movement (MNLF) adalah gerakan pemisah yang menuntut kemerdekaan secara gerakan bersenjata. Tujuan mereka adalah untuk memperjuangkan hak mereka dan bukannya mempromosi idea yang melampau. Mereka menggunakan taktik ganas untuk mencapai maksud politik mereka dengan melancarkan serangan tidak berkala terhadap pasukan keselamatan polis dan tentera negara. Namun, serangan rambang di kawasan yang mempunyai penduduk awam yang ramai menerima kecaman kerana ia telah mengakibatkan mereka yang tidak berdosa turut terkorban. Walaupun tujuan golongan pemisah ini untuk menyerang kawasan ketenteraan, namun kematian awam telah menyebabkan mereka dilabel sebagai kumpulan penganas.

Gerakan pemisah seperti yang dinyatakan tersebut menimbulkan perdebatan banyak pihak sama ada mereka benar-benar kumpulan penganas atau pejuang bangsa. Semenjak Peristiwa 11 September 2001, timbul pula gerakan penganas yang menggunakan agama sebagai wadah utama perjuangan politik. Kumpulan seperti Islamic State (IS) atau *al-Dawlah al-Islamiyyah fi al-Iraq wa al-Sham* (Daesh), Jama'ah Islamiyyah (JI) dan al-Qaeda telah menjadikan Islam sebagai platform politik untuk mendapatkan sokongan Muslim di seluruh dunia kononnya demi mewujudkan sistem utopia global yang syumul. Trend ini dapat dilihat semenjak Peristiwa 11 September iaitu agama terutamanya Islam digunakan sebagai landasan perjuangan kumpulan pelampau yang ganas seperti Daesh sehingga menyebabkan agama dan masyarakat Islam dilabelkan sebagai penganas. Ini mengakibatkan fenomena Islamofobia merebak ke seluruh pelusok dunia.

Fenomena yang dibawa oleh ISIS atau Daesh mungkin sesuatu yang baharu kepada dunia Barat apabila agama menjadi kunci utama kepada perjuangan. Keupayaannya merekrut dan mempengaruhi generasi muda untuk berjuang adalah sesuatu yang sukar untuk difahami Barat. Perlu ditekankan di sini bahawa, berdasarkan kepada beberapa kajian, penerimaan ideologi melampau Daesh dalam kalangan generasi muda amat membimbangkan.

Mengapa generasi ini begitu mudah terpengaruh dengan ideologi melampau Daesh. Ada beberapa faktor yang boleh menjelaskan perkara ini. Faktor pertama ialah individu itu sendiri. Kekurangan pengetahuan mengenai agama, masalah psikologi akibat masalah keluarga dan taraf sosioekonomi merupakan salah satu aspek yang menyumbang kepada tarikan generasi muda kepada perjuangan Daesh. Individu ini boleh menjadi seseorang yang radikal secara sendiri (self-radicalisation atau lone-wolf) apabila tertarik membaca propaganda yang bersifat memujuk kerohanian seseorang. Ini menjelaskan peristiwa serangan sebuah balai polis di Kota Tinggi, Johor. Insiden tersebut menyebabkan dua anggota polis terbunuh (*Sinar Harian*, 17 Mei 2024). Singapura juga berhadapan dengan generasi muda yang menjadi radikal secara sendiri akibat pengaruh pembacaannya (*Channel News Asia*, 23 Februari 2023). Faktor kedua adalah persekitaran sosial seperti pengaruh rakan sebaya, kedinamikan penglibatan seseorang dalam satu-satu kumpulan, insentif kewangan yang diberikan, dan pengaruh media sosial (Che Mohd Aziz Yaacob, Kamarulnizam Abdullah & Mohd Sofian Omar-Fauzee, 2019). Perbincangan mengenai pengaruh Daesh ini akan dilanjutkan oleh beberapa orang penulis dalam buku ini.

Ideologi yang dibawa oleh IS atau Daesh sehingga kini tidak melambangkan kesederhanaan pengamalan orang Islam di seluruh dunia termasuk di Malaysia. Malah ideologi melampau Daesh ditolak oleh majoriti masyarakat Islam. Seperti juga golongan kanan dan kiri Barat, masyarakat Islam juga berhadapan dengan sayap radikal yang mempunyai pemikiran dan tindak balas aksi yang berbeza dengan masyarakat massa. Mengaitkan Islam dengan aksi keganasan adalah tidak adil dan seolah-olah sengaja dirancang oleh pihak tertentu untuk memburukkan imej agama tersebut, sedangkan agama lain seperti Kristian, Hindu dan Buddha juga berhadapan dengan ancaman sayap kumpulan pelampau mereka sendiri. Sewaktu perang saudara abad ke-19, Amerika Syarikat berhadapan dengan kumpulan anti-Katolik yang dikenali sebagai Ku Klux Klan. Kumpulan ini melakukan serangan ganas dengan membunuh, memperkosa dan memusnahkan harta benda (Forsell, 2020). Di Rusia pula, wujud kumpulan radikal Kristian yang

dikenali sebagai Sorok Sorokov. Mereka mahu mengembalikan nilai konservatif Kristian dalam masyarakat negara tersebut yang dilihat semakin berkiblatkan kepada pemikiran liberal (*The Moscow Times*, 24 Mac 2021). Kumpulan ini malah mendapat sokongan moral daripada pihak Gereja Ortodoks Rusia.

Buku ini berhujah bahawa idea pelampau dan aksi keganasan yang mereka pameran tidak hanya boleh dikaitkan dengan sesuatu agama. Sepertimana yang dibincangkan oleh beberapa penulis dalam buku ini, wujud juga idea dan aksi pelampau yang berlandaskan aspek sosial, politik dan ekonomi. Kumpulan ultranasionalis seperti Zionis, Keagungan Bangsa Aryan di Iran dan White Supremacy di Afrika Selatan adalah kumpulan pelampau etnonasionalis. Mereka mempertahankan hanya bangsa mereka sahaja yang terpilih dan terpuji tanpa mengambil kira implikasi besarnya ke atas bangsa lain. Gerakan Zionis, misalnya, telah menyebabkan rakyat Palestin merempat di tanah air mereka sendiri. Terdapat juga gerakan yang menggunakan aksi ganas bagi mendapatkan perhatian politik. Sewaktu era Perang Dingin dahulu (1945-1989), gerakan revolusi sosialisme sanggup menyerang pihak berkuasa, membakar kampung dan meletakkan bom di tempat awam, demi mempromosi ideologi politik komunisme mereka secara paksa.

Perbincangan dalam buku ini dimulai dengan memahami sejarah gerakan pelampau keganasan di Malaysia. Dalam **Bab Satu**, Muhammad Rashidi Wahab, Mohd Hizam Hanafiah dan Ahmad Norisham Maarus membincangkan sejarah awal pelampau keganasan sebagai kesan kepada penjajahan yang dilakukan oleh beberapa kuasa besar ke atas Tanah Melayu. Selain daripada penjajahan, menurut mereka, gerakan pelampau berlaku apabila wujud sistem politik tradisional aristokrasi yang berteraskan kuasa istana ditolak kerana penindasan kepada rakyat. Ketika peralihan kuasa antara Jepun dengan British, gerakan pelampau ditonjolkan melalui keganasan kumpulan komunis Bintang Tiga dan kumpulan kongsi gelap Cina. Kemasukan pelombong bijih timah dari China telah menyebabkan kemunculan kongsi gelap. Antara kumpulan kongsi gelap yang terkenal adalah Ghi Hin (Kantonis) dan Hai San

(Hakka). Selain untuk mempertahankan anggota masing-masing, kedua-dua kumpulan berkenaan saling bermusuhan bagi merebut tempat perlombongan serta melakukan rusuhan dan keganasan. Semenjak terbentuk Malaysia, gerakan pelampau diselang-selikan dengan politik perkauman dan agama. Pelbagai konflik berteraskan etnik timbul. Dalam keadaan yang sama, muncul juga kumpulan pelampau agama, sama ada dimanipulasikan oleh individu, kumpulan mahupun parti politik yang menyemarakkan lagi idea pelampau keganasan di negara ini.

Munculnya pengaruh global dalam gerakan keganasan agama yang dipelopori oleh al-Qaeda dan JI serta kemudiannya Daesh juga memberikan kesan kepada Malaysia. Menurut Muhammad Rashidi Wahab dan rakan-rakan, semangat keagamaan dengan mudah menular dalam kalangan masyarakat Islam, apatah lagi saban tahun pengguna Internet di Malaysia semakin meningkat. Di samping itu, Muhammad Rashidi Wahab dan rakan-rakan berhujah wujud juga gerakan pelampau Kristian di negara ini seperti Radical Evangelist Christian State (RECS) akibat daripada kebanjiran pelarian dan pendatang asing ke negara ini. Kehadiran gerakan pelampau ini sebenarnya telah meresahkan masyarakat Kristian di Malaysia

Bab Dua ditulis oleh Nur Ayuni Mohd Isa, Norliah Selamat dan Norazam Mohd Noor. Perbincangan mereka menyentuh mengenai gerakan sosialisme dan komunisme dari sudut sejarah dan ancaman semasa. Bab ini memerihalkan komunisme secara terperinci di Malaysia. Menurut Nur Ayuni Mohd Isa dan rakan-rakan, era kebangkitan komunis di negara ini bermula sebelum merdeka iaitu semasa negara ini dikenali sebagai Tanah Melayu. Parti Komunis Malaya (PKM) yang berakar umbi daripada ideologi yang dikembangkan daripada revolusi China digerakkan dengan alasan untuk mengusir penjajah Jepun dan British. Namun, menurut mereka, hasrat mutakhir pergerakan ini adalah untuk menubuhkan sebuah negara komunis yang dikenali sebagai "Republik Rakyat Malaya".

PKM dilihat memainkan peranan penting dalam menentang penjajahan Jepun di Tanah Melayu melalui gerakan gerila oleh

Malayan People Anti-Japanese Army (MPAJA) atau dikenali “Bintang Tiga”. Situasi “*vacuum power*” selepas pengunduran tentera Jepun dan kelewatan British Military Administration (BMA) mengambil alih semula pemerintahan telah memberikan peluang kepada PKM untuk cuba mengambil alih tampuk pemerintahan negara. Bagi menangani masalah ini, British telah mengharamkan PKM serta beberapa pertubuhan lain yang mempunyai elemen komunis dan radikal. Tindakan ini berjaya mengurangkan ancaman komunis, dan pada masa yang sama merencatkan usaha menuntut kemerdekaan secara ekstrem dan radikal. Setelah melalui satu tempoh yang panjang, akhirnya pergerakan komunis di Malaysia terhenti melalui Perjanjian Hat Yai pada 1989 antara kerajaan Malaysia dan PKM. Namun, ujar Nur Ayuni Mohd Isa dan rakan-rakan, ideologi komunisme ini sebenarnya tidak terkubur dan masih berakar umbi di negara ini. Era kini, ancaman komunis sudah berevolusi dan mula berorientasikan agama. Abad ke-21 pula menyaksikan sebegitu banyak pergerakan yang dikategorikan sebagai Komunis Hijau (KH) dan Gerakan Muslim Kiri (GMK) yang memperjuangkan fahaman “Salafiyah Jihadiyah”. Penyelewengan ajaran Islam diterapkan melalui pemesongan akidah, syariah dan akhlak para pengikutnya. Dengan kata lain, ideologi komunisme di Malaysia telah belajar dan beradaptasi daripada pengalaman lepas yang terbabas daripada norma masyarakat. Pergerakan mereka kini tidak lagi berteraskan kepada penentangan bersenjata, tetapi cuba mendoktrinkan masyarakat ke arah nilai-nilai agama yang berfokus kepada elemen jihad dan mati syahid.

Mohd Izani Mohd Zain dan Noor Azhar Mistar dalam **Bab Tiga** pula membincangkan perkembangan gerakan pelampau yang dinamakan sebagai ekstremis susulan daripada politik perkauman selepas daripada fasa kemerdekaan hinggalah era globalisasi. Menurut mereka, sehingga kini, sebegitu banyak perdebatan ilmiah mengenai istilah yang tepat mengenai ekstremisme. Namun, titik persamaan yang dapat menyatukan pelbagai pandangan terhadap ekstremisme ini adalah manifestasi fizikal melalui tindakan kekerasan berasaskan sesuatu pegangan oleh seseorang individu itu. Dalam konteks Malaysia, tindakan ekstremis atau pelampau politik

perkauman bermula sejak sebelum merdeka lagi. Ketidakpuasan hati ekoran daripada kawalan penjajah terhadap perdagangan, pendidikan, keagamaan dan kepentingan tradisional mencetuskan pelbagai gerakan politik bagi memperjuangkan kemerdekaan. Isu Islam, Mohd Izani Mohd Zain dan Noor Azhar Mistar berhujah, sebagai agama Persekutuan, kedaulatan Raja-raja Melayu, ketuanan Melayu dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sering kali dimanipulasikan dalam menarik sokongan kaum Melayu. Kaum Cina pula dikaitkan dengan ideologi komunis yang menuntut hak kesamarataan bagi semua kaum. Malah, gerakan ekstremis ini turut mendasari pertikaian pelbagai dasar kerajaan selepas kemerdekaan, peristiwa berdarah 13 Mei 1969, pembentukan kerajaan pakatan UMNO-PAS 1973, peristiwa Memali 1983 dan Operasi Lalang 1987. Isu pendidikan terus menjadi "duri dalam daging" yang mencalarakan keharmonian antara kaum. Semasa era kolonial, sistem persekolahan secara segmental berfokus kepada kaum-kaum tertentu sahaja. Taburan sekolah Melayu juga tidak menyeluruh, dan British dilihat tidak begitu berminat untuk membangunkan lebih banyak sekolah Melayu di negeri-negeri yang majoriti penduduk Melayu. Pembangunan sekolah Cina pula didominasi oleh golongan pedagang dan persatuan Cina. Sekolah Tamil pula lebih banyak dibina di kawasan perladangan iaitu tempat kaum India lebih banyak tertumpu di situ.

Menurut mereka lagi, selepas merdeka, penetapan sistem persekolahan satu aliran melalui Ordinan Pelajaran 1957 mewujudkan fenomena peminggiran pendidikan aliran lain. Memasuki era globalisasi, kemajuan teknologi menjadikan dunia tanpa sempadan. Kemudahan komunikasi mengupayakan fahaman liberalisme dan pluralisme tersebar secara meluas. Hal ini mencetuskan kumpulan-kumpulan tertentu dalam masyarakat untuk bangkit mempertahankan identiti, seterusnya menjurus kepada risiko ekstremisme dalam masyarakat. Ekstremisme perkauman di negara ini berkembang dalam pelbagai bentuk seperti politik perkauman dan keagamaan, prasangka dan provokasi kaum, rasisme, xenofobia, dan inisiatif kerajaan yang dilihat mendiskriminasikan kaum-kaum tertentu. Sentimen politik yang membangkitkan isu negatif iaitu

3R (agama, kaum dan institusi raja) dalam pentas-pentas politik serta disemarakkan lagi melalui media sosial sedikit sebanyak telah mengguris perasaan rakyat dan menjejaskan perpaduan antara kaum. Kehidupan seharian masyarakat juga terpengaruh dengan sentimen ini, hinggan berlaku beberapa insiden di luar keharmonian bermasyarakat. Secara tuntas, Mohd Izani Mohd Zain dan Noor Azhar Mistar mencadangkan, keharmonian rakyat di Malaysia perlu dipelihara dan didukung oleh semua kaum. Budaya kekerasan dan ekstremis perlu dikekang melalui sistem pendidikan yang komprehensif dan penguatkuasaan undang-undang secara ketat.

Dalam **Bab Empat**, Kamarulnizam Abdullah, Rafidah Mohamad Noor, Aemran Mustafa, Mohd Sharil Mohd Shah dan Asrul Shah Razali membahaskan mengenai gerakan etnonasionalisme luar negara yang memperjuangkan identiti politik, ekonomi dan telah menjadikan Malaysia sebagai salah satu tapak sokongan dan pengoperasian serta tempat perlindungan selamat. Gerakan etnonasionalisme yang dibincangkan menjurus kepada kumpulan nasionalisme pemisah yang melancarkan gerakan bersenjata ganas di negara mereka. Kamarulnizam Abdullah dan rakan-rakan mendakwa bahawa gerakan etnonasionalisme yang bertapak di Malaysia pada satu ketika dahulu kebanyakannya datang daripada benua Asia. Tidak terdapat bukti gerakan serupa daripada luar Asia yang telah menjadikan negara ini sebagai tapak pengoperasian mereka.

Menurut mereka lagi ada beberapa faktor penyumbang yang telah menjadikan Malaysia sebagai tapak selamat gerakan etnonasionalisme luar ini. Bagi gerakan pemisah Asia Tenggara, seperti Gerakan Aceh Merdeka (GAM), Pertubuhan Pembebasan Bersatu Pattani atau Patani United Liberalization Organisation (PULO), National Liberation Movement (MNLF) dan Moro Islamic Liberation Movement (MILF) serta The Liberation Tigers of Tamil Eelam (LTTE), faktor geografi dan kedekatan adalah asas utama kepada pemilihan Malaysia. Di samping itu, imej Malaysia yang dilihat mengamalkan dasar adil dan toleransi kepada rakyat tanpa mengira kaum atau agama menarik perhatian mereka. Mereka

melihat golongan minoriti negara ini diberikan peluang yang luas untuk sama-sama membangunkan negara.

Sokongan moral yang kuat oleh rakyat dan kerajaan Malaysia kepada beberapa kumpulan gerakan etnonasionalisme di Asia Barat juga telah menjadikan negara ini sebagai pusat gerakan kepada Pertubuhan Pembebasan Palestin (Palestinian Liberation Organisation) atau PLO dan Hamas. Tidak hairanlah ha-Mosad le-Modi'in u-le-Tafkidim Meyuhadim (Mosad), sebuah agensi perisikan Israel sering memburu rakyat dan mahasiswa Palestin di Malaysia yang dikaitkan dengan kegiatan keganasan PLO dan Hamas sebagai sasaran pembunuhan mereka (*Berita Harian*, 10 Oktober 2022). Bagi Israel, "mahasiswa" Palestin yang melanjutkan pengajian teknikal dan kejuruteraan di negara ini berpotensi berbahaya kerana kepakaran mereka akan digunakan oleh PLO dan Hamas untuk menyerang Israel pada masa akan datang. Israel malah sanggup merekrut rakyat Malaysia sebagai ejen Mosad di negara ini (*New Straits Times*, 1 November 2023).

Abdullaah Jalil, Muhammad Rashidi Wahab, Afzal Izzaz Zahari dan Mohd Fauzi Hamat dalam **Bab Lima**, membahaskan wacana golongan pelampau bukan sahaja dalam kalangan gerakan pelampau Islam tetapi liberal Barat. Menurut mereka, kumpulan pelampau ekstrem Islam menggunakan istilah keilmuan agama bagi mentarbiahkan pengikutnya kepada kefahaman yang salah dan menyeleweng. Kebiasaannya, golongan ini akan menganggap mereka mengamalkan pegangan sebenar, mencerca pemimpin dan ulama, serta mengkafirkan umat Islam lain yang tidak sehaluan mereka. Empat jenis pelampau ekstrem yang dikenal pasti iaitu *Tabdi'*, *Takfir*, *Istihlal* dan *Qital*. Golongan *Tabdi'* memahami konsep bidaah secara salah dan sempit, serta melemparkan tuduhan sesat terhadap masyarakat Islam sekeliling mereka hingga sanggup berperwatakan kasar dan biadab kepada mereka. Antara gerakan *Tabdi'* terkenal adalah seperti Boko Haram, Shabaab, JI dan *Daesh*. Golongan *Takfir* pula mempunyai pemikiran Khawarij yang mengkafirkan umat Islam yang lain. Pegangan ini berakar umbi sejak zaman kewafatan Rasulullah SAW dan terus bertahan hingga

kini. Kumpulan Azariqah adalah contoh golongan *Takfir* yang menghujahkan pegangan mereka melalui penggunaan ayat-ayat al-Quran sehingga mencetuskan tindakan ekstrem oleh pengikutnya.

Seterusnya, Abdullaah Jalil dan rakan-rakan membahaskan golongan *Istihlal* yang menghalalkan nyawa dan harta umat Islam yang tidak sehalal mereka. Kumpulan Daesh merupakan contoh terbaik golongan ini, yang melakukan hukuman bunuh kepada umat Islam lain yang dianggap murtad. Golongan Qital pula berpegang kepada seruan “mencari syahid”, “mendapatkan syurga” dan “jaminan syurga” melalui jihad secara serangan bersenjata terhadap umat Islam yang dianggap kafir dan masyarakat lain yang dianggap sebagai kafir murtad. Tindakan ini menatijahkan *Islamophobia* oleh masyarakat bukan Islam kepada umat Islam. Kumpulan seperti Daesh, Boko Haram, Shabaab, JI, Ansaruddin dan al-Qaeda adalah sebilangan daripada golongan Qital yang aktif melakukan pelbagai bentuk keganasan.

Pelampau liberal di Malaysia pula, menurut Abdullaah Jalil dan rakan-rakan, terbahagi kepada golongan hak asasi tanpa ikatan agama, kebebasan tanpa batasan, hedonisme dan feminisme. Golongan ini tidak mengancam kebinasaan material, tetapi merosakkan pemikiran dan memesongkan akidah pengikutnya daripada tuntutan agama. Wacana golongan hak asasi tanpa pegangan agama mempromosikan budaya kemanusiaan melalui Universal Declaration of Human Rights (UDHR). Pegangan ini, menurut Abdullaah Jalil dan rakan-rakan lagi, menuntut hak kesamarataan tanpa mengira kaum, yang tentunya menggugat keharmonian sesebuah negara. Hak asasi manusia juga dijadikan sebagai sandaran oleh golongan kebebasan tanpa batasan dalam menghalalkan gaya hidup bebas tanpa sebarang sekatan. LGBT merupakan contoh suatu pegangan yang mencabar norma kehidupan masyarakat majmuk sejagat oleh golongan ini. Kebebasan ini turut mewujudkan golongan hedonisme terutamanya anak-anak muda, yang mementingkan hiburan dan pergaulan tanpa batasan. Satu lagi pelampau liberal adalah golongan feminisme. Mereka ini menuntut perubahan dalam syariat Islam terutamanya isu-isu

terkait perkahwinan, kekeluargaan dan pewarisan harta. Justeru, bab ini, mencadangkan kerajaan Malaysia untuk sentiasa cakna akan ancaman dan akibat oleh kedua-dua kategori kumpulan pelampau ini dan dianjurkan untuk mengambil tindakan berautoriti sekiranya perlu bagi menanganinya.

Bab Enam menganalisis fenemona gerakan pelampau agama atau "*religious extremism*" di peringkat lokal dan antarabangsa. Bab ini dihasilkan oleh empat penulis iaitu Ahmad El-Muhammady, Danial Mohd Yusof, Khairul Akhtar Raja Mohd Naguib dan Asma Muhammad Uthman El-Muhammady. Dalam bab ini, penulis membincangkan enam perkara pokok. Pertama, pelampau agama (ringkas PA) wujud dalam semua agama dan komuniti. Ia bermula dengan sikap dan pemikiran manusia dan menggunakan hujah agama sebagai justifikasi keabsahan fahaman mereka. Fenomena ini boleh diperhatikan dalam sejarah dan insiden yang berlaku pada hari ini. Kedua, untuk memahami konsep PA, dua perkara perlu diperhatikan, iaitu konsep fahaman arus perdana yang menjadi ikutan ramai, dan fahaman radikal atau pelampau yang melencong daripada fahaman arus perdana. Ketiga, PA dikaitkan dengan cara berfikir atau "*psychological signature*", personaliti, dan pola ideologi yang tegar dan keras. Keempat, pembentukan ideologi PA bermula dengan mengenal pasti krisis yang berlaku dalam dunia, wujudnya rasa tanggungjawab, penentuan visi dan misi yang perlu dibuat untuk mencapai tujuan atau misi. Ini jelas dapat dilihat dalam ideologi Daesh dan berhaluan kanan yang dipegang oleh Brenton Tarrant. Kelima, PA mempunyai kesan jangka panjang pada negara sekiranya ia tidak ditangani dengan segera, kerana ideologi boleh tersebar dengan mudah dalam era teknologi maklumat hari ini. Keenam, dalam usaha menangani ancaman kumpulan ini juga, perlu juga difahami punca krisis yang berlaku dalam kehidupan mereka kerana hakikatnya setiap perbuatan itu mempunyai punca sebab atau "*root causes*". Antaranya kemunculan Daesh adalah disebabkan penaklukan dan kekejaman Amerika Syarikat di Iraq dan Afghanistan. Oleh itu, generasi yang lahir dalam tempoh itu mengalami trauma peperangan yang teruk hingga membentuk cara berfikir mereka.

Bab Tujuh pula membincangkan naratif ekstremis dan media sosial di Malaysia. Perbincangan merungkai bagaimana landskap dalam media atas talian menjadi semakin penting dan berpengaruh dalam mengembangkan naratif idea gerakan pelampau. Bab yang juga ditulis oleh Ahmad El-Muhammady bersama Maslinawati Mohamad, Nor Balkish Zakaria dan Asma Muhammad Uthman El-Muhammady ini juga membincangkan peranan media sosial dalam menyebarkan idea radikal. Dalam bab ini, perbahasan juga tertumpu kepada bagaimana kumpulan ekstremis menggunakan media sosial untuk menggalakkan proses radikalisasi dan rekrutmen. Perbahasan Ahmad El-Muhammady dan rakan-rakan adalah berdasarkan penelitian beberapa kumpulan ekstremis seperti *far-right extremism* di Eropah dan Daesh di Syria dan kumpulan yang bersimpati dengan ideologi mereka. Untuk membicarakan tajuk ini, Ahmad El-Muhammady dan rakan-rakan melihat tiga perkara pokok: pertama, konsep media sosial dan mengapa ia menjadi platform pilihan kumpulan radikal; kedua, bagaimana media sosial digunakan untuk tujuan penyebaran, promosi dan perekrutan anggota baharu dan sebagai platform untuk perbincangan wacana radikal. Ketiga, impak dan implikasi penggunaan media sosial sebagai medium kepada perkembangan wacana ekstremisme kepada masyarakat dan negara.

Dalam **Bab Lapan**, Farah Aida Ahmad Nadzri, Nur Aima Shafie, Norhayati Mohamed dan Norazida Mohamed merungkai hubung kait antara ekonomi, keganasan dan sumber pembiayaan keganasan. Menurut mereka, antara faktor penyumbang kepada pelampau keganasan adalah ketidakstabilan ekonomi yang disebabkan oleh pelbagai faktor seperti kemiskinan, jurang pendapatan dan pengangguran. Perbincangan Farah Aida Ahmad Nadzri dan rakan-rakan juga merujuk kepada Indeks Keganasan Global (Global Terrorism Index, GTI) 2023, yang menunjukkan 10 negara yang paling terkesan dengan pelampau keganasan adalah negara yang sering menghadapi isu sosioekonomi seperti kemiskinan, konflik, ketidakstabilan dan tatakelola yang lemah.

Walaupun demikian, menurut Farah Aida Ahmad Nadzri dan rakan-rakan, Malaysia mengamalkan dasar keterbukaan ekonomi yang mampu menarik pelaburan asing. Strategi ini telah menggalakkan perkembangan ekonomi tetapi dalam keadaan yang sama boleh mendedahkan negara kepada ketidaktentuan ekonomi di seluruh dunia dan memerlukan kesediaan dan keupayaan negara untuk mengatasi kesan pengaruh luar. Farah Aida Ahmad Nadzri dan rakan-rakan mendakwa, jika kemakmuran ekonomi tidak diagihkan dengan saksama, ia boleh mewujudkan ideologi dan naratif ekstremis, kerana kumpulan terpinggir mungkin berasa tersisih daripada faedah keterbukaan ekonomi. Menangani cabaran ini memerlukan pendekatan yang bijak dan pembangunan dasar yang menyeimbangkan antara keterbukaan ekonomi, perpaduan sosial dan keselamatan negara. Sebaliknya, konflik, pembunuhan, keganasan dan pelampau pula telah menjejaskan produktiviti dan pembangunan ekonomi secara keseluruhan. Kesan pelampau ganas terhadap ekonomi merangkumi kesan langsung seperti kerugian harta benda dan kematian, serta kesan tidak langsung yang menjejaskan pelaburan dan pelancongan. Kesan jangka panjang, menurut mereka, merangkumi pengurangan pertumbuhan ekonomi, kehilangan modal sosial dan peningkatan keutamaan fiskal untuk ketenteraan. Di samping itu, hubungan antara ekstremisme ganas dan pengubahan wang haram telah terbukti secara mendalam. Malaysia tidak terlepas daripada kebimbangan mengenai ekstremisme ganas dan kaitannya dengan pengubahan wang haram serta keldai wang. Usaha yang menyeluruh, merangkumi penguatkuasaan kawal selia yang ketat, kempen pendidikan awam yang bermaklumat dan prosedur kerjasama antarabangsa, adalah penting dalam melindungi masyarakat dan ekonomi negara daripada risiko pengubahan wang haram dan ekstremisme keganasan.

Dalam **Bab Sembilan** pula Noor Haslina Ismail, Sharifah Nazatul Faiza Syed Mustapha Nazri, Salwa Zolkafil, Eley Suzana Kasim dan Fazlida Mohd meneroka rangka kerja pembiayaan keganasan di Malaysia bagi memastikan aktiviti pencegahan pembiayaan keganasan boleh dibendung dari awal. Noor Haslina Ismail dan rakan-rakan berhujah bahawa kegiatan keganasan

merupakan salah satu ancaman kepada keamanan dan keselamatan sesebuah negara. Sejajar dengan itu, menurut mereka, Malaysia perlu kekal komited dalam memerangi aktiviti keganasan serta aktiviti pembiayaan keganasan. Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFAPUAA) 2001 telah diperkenalkan di Malaysia sebagai salah satu inisiatif dalam menangani masalah berkaitan aktiviti pembiayaan keganasan. Namun, Noor Haslina Ismail dan rakan-rakan juga dapati bahawa aktiviti keganasan boleh dilakukan apabila terdapat dana yang disediakan untuk menyokong akta tersebut, dan ini dikenali sebagai pembiayaan keganasan. Dalam membendung ancaman global ini, mereka mencadangkan, Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (FATF) berperanan untuk memerangi pengubahan wang haram dan aktiviti pembiayaan keganasan.

Noor Haslina Ismail dan rakan-rakan turut membincangkan peranan AMLATFAPUAA 2001 dalam menangani hal ini. Menurut mereka terdapat garis panduan dan peraturan diberikan kepada institusi pelapor berkenaan pelaporan berkaitan transaksi yang mencurigakan. Akhir sekali, Noor Haslina Ismail dan rakan-rakan membincangkan beberapa cadangan yang boleh membantu memerangi pembiayaan keganasan dengan lebih efektif, iaitu melalui latihan yang berterusan kepada pihak pelapor dan pegawai penyiasat, dan penggunaan teknologi yang lebih canggih dalam mengesan transaksi yang mencurigakan agar pengesanan dan pelaporan dapat dilakukan dalam masa yang singkat.

Bab yang terakhir iaitu **Bab Sepuluh**, oleh Kamarulnizam Abdullah, Jamaliah Said dan Lokman Effendi Ramli menelusuri strategi yang dilakukan oleh Malaysia dalam menangani ancaman keganasan. Perbincangan mereka tertumpu kepada strategi Malaysia, melalui pelbagai undang-undang dan akta seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Darurat, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA), Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA) dan Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) dalam membendung gerakan pelampau semenjak merdeka sehingga kini. Kamarulnizam Abdullah dan

rakan-rakan mengidentifikasikan cabaran dan masalah pengenalan strategi dan undang-undang kerajaan Malaysia dari pelbagai aspek – melindungi kepentingan majoriti sehinggalah kepada isu hak asasi manusia. Akhir sekali, Kamarulnizam Abdullah dan rakan-rakan membincangkan strategi terbaharu kerajaan Malaysia melalui pengenalan Pelan Tindakan Kebangsaan Bagi Mencegah dan Menangani Fahaman Pelampau Keganasan (National Action Plan for Preventing and Countering Violent Extremism) atau NAPPCVE. Perbincangan mereka turut menjelaskan mengapa NAPPCVE adalah penting buat Malaysia dalam menangani ancaman gerakan pelampau di negara ini.

Rujukan

- Berita Harian*. (2022, Oktober 10). KDN teliti dakwaan ejen Mossad culik warga Palestin di Malaysia. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/10/1013840/kdn-teliti-dakwaan-ejen-mossad-culik-warga-palestin-di-malaysia/>
- Channel News Asia*. (2023, Februari 23). Of 11 radicalised Singapore youths picked up under ISA, 'several' were reported by members of public. <https://www.channelnewsasia.com/singapore/isd-isa-radicalised-youths-report-public-detention-security-terrorism-3298826>
- Che Mohd Aziz Yaacob, Kamarulnizam Abdullah, & Mohd Sofian Omar-Fauzee. (2019). Pendirian, Kefahaman dan Penerimaan Rakyat Malaysia Terhadap Ideologi Perjuangan DAESH. *Kajian Malaysia*, 37 (2), 121-145.
- Forsell, G. (2020). Blood, cross and flag: The influence of race on Ku Klux klan theology in the 1920s. *Politics, Religion & Ideology*, 21 (3), 269-287. <https://doi.org/10.1080/21567689.2020.1809384>
- New Straits Times*. (2023, November 1). Cops believe Mossad using Malaysians as operatives. https://www.nst.com.my/news/nation/2023/11/973637/cops-believe-mossad-using-malaysians-operatives#google_vignette/
- Ramakrishna, K. (2017). The Growth of ISIS Extremism in Southeast Asia: Its Ideological and Cognitive Features—and Possible Policy Responses. *New England Journal of Public Policy*, 29 (1), Article 6, 1-22. <https://scholarworks.umb.edu/nejpp/vol29/iss1/6/>

- Sinar Harian*. (2024, Mei 17). Suspek kes serang Balai Polis Ulu Tiram dipercayai ahli Jemaah Islamiyah – KPN. <https://www.sinarharian.com.my/article/665233/berita/semasa/suspek-kes-serang-balai-polis-ulu-tiram-dipercayai-ahli-jemaah-islamiya/>
- The Moscow Times*. (2021, Mac 21). Russia Probes Artistic Human Corpse Exhibition After Uproar. <https://www.themoscowtimes.com/2021/03/24/russia-probes-artistic-human-corpse-exhibition-after-controversy-a73348>

BAB 6

GERAKAN PELAMPAU AGAMA: SATU ANALISIS

*Abmad El-Mubammady, Danial Mohd Yusof,
Raja Muhammad Khairul Akhtar Raja Mohd Naguib &
Asma Muhammad Uthman El-Muhammady*

PENGENALAN

Pada 29 Jun 2014, dunia dikejutkan dengan pengisytiharan “khilafah” di Iraq oleh kumpulan Islamic State of Iraq and Syria (ISIS), dalam bahasa Arabnya *al-Daulah al-Islamiyyah fi al-Iraq wa al-Sham* atau Daesh. Sejak kebangkitan mereka pada tahun 2011, Daesh berjaya menawan Mosul dan beberapa bandar lain di Iraq dan Syria. Ekoran pengisytiharan itu, Abu Bakar al-Baghdadi yang dilantik sebagai “khalifah yang pertama” menyeru semua umat Islam menyertai negara yang baru ditubuhkan itu. Beliau dengan bangga mengatakan bahawa kumpulan itu akhirnya berjaya mengembalikan semula legasi institusi khilafah yang terkubur sejak tahun 1924 (Dabiq 1, 2014).

Setelah terbinanya institusi khilafah yang berpusat di Mosul, Iraq, Daesh terus melaksanakan syariah Islam terutama hudud dan

qisas dan mewujudkan sistem pentadbiran yang mereka dakwa, berdasarkan nilai-nilai Islam yang sebenar di kawasan jajahan mereka. Daesh juga menyasarkan komuniti Yazidi dan Syi'ah yang dianggap sesat. Wanita Yazidi dijadikan tawanan perang dan hamba kepada pengikut Daesh, kerana pada fahaman mereka, pengikut Yazidi dan wanita wajar dijadikan tawanan perang dan wanita pula boleh dijadikan sebagai "hamba" sebagaimana yang pernah dibuat pada zaman awal Islam di Makkah. Malah, sesiapa saja yang menentang Daesh sama ada dalam bentuk ucapan dan perbuatan dianggap kafir dan pengikut taghut. Mereka wajib diperangi melalui "jihad". Walau bagaimana pun, setelah lima tahun berkuasa, Daesh tumbang pada tahun 2019 (Dabiq 1 & 2, 2014).

Setelah beberapa bulan kejatuhan Daesh di Syria dan Iraq, dunia sekali lagi dikejutkan dengan serangan berdarah yang mengorbankan 51 orang dan 41 yang lain cedera di Al Nour Mosque dan Linwood Islamic Centre, Christchurch, New Zealand. Pihak berkuasa New Zealand mengesahkan bahawa serangan itu dilakukan oleh Brenton Tarrant, seorang rakyat Australia yang tinggal di New Zealand. Serangan itu bermotifkan kebencian pada bangsa asing dan penganut agama Islam yang dianggap cuba menenggelamkan bangsa kulit putih dan penganut agama Kristian di Barat dan New Zealand. Dalam tulisannya *The Great Replacement: Towards A New Society* (2019), Brenton Tarrant menyeru orang kulit putih menghapuskan pendatang yang dianggap "penjajah" terutama orang Islam di Eropah kerana pada pandangannya, orang Islam menjadi punca terhapusnya orang kulit putih dan Kristianiti di negara mereka sendiri kerana umat Islam mempunyai kadar kelahiran yang tinggi (Tarrant, 2019).

Di Myanmar pula, seorang pemimpin Buddha yang berfahaman nasionalis, Ashin Wirathu menyeru kerajaan Junta Myanmar menggunakan kekerasan terhadap agama dan budaya lain yang wujud di Myanmar terutama Muslim Rohingnya, kerana mereka dianggap pendatang dan cuba menjadikan Myanmar sebuah negara Islam. Ekoran daripada timbulnya naratif seperti itu, kita dapat lihat beberapa serangan secara sistematik dilakukan oleh tentera Junta

Myanmar menyebabkan lebih 700,000 etnik Rohingya menjadi pelarian. Mereka lari ke negara jiran untuk mendapat perlindungan. Walaupun dikritik keras oleh masyarakat antarabangsa, pengaruh Wirathu terus berkembang. Penganalisa berpendapat, penubuhan organisasi seperti Buddha Dhamma Philanthropy Foundation oleh Wirathu dan pengikutnya jelas menunjukkan pengaruh dan naratif anti-Muslim semakin berkembang di Myanmar (Beech, 2013) dan ia menjadi ancaman besar kepada kestabilan politik dan agama di rantau Asia Tenggara. Fenomena yang sama juga berlaku di India, apabila pelampau nasionalis Hindu menyerang dan meruntuhkan Masjid Babri di Ayodhya, India pada tahun 1992. Kemusnahan Masjid Babri bukan saja mengeruhkan hubungan antara Muslim dan Hindu malah membawa kepada keganasan berpaksikan agama (Harvard Divinity School, 2018). Gelombang gerakan Hindutva menjadi semakin rancak sejak 2010 dan ia menjadi semakin meluas bila ia mendapat sokongan daripada sesetengah parti politik di India.

Di samping kes-kes yang disebutkan tadi, terdapat pelbagai bentuk fahaman pelampau agama (ringkas PA) yang wujud dalam masyarakat di dunia. Antaranya Kumpulan Branch Davidian yang dipimpin oleh David Koresh di Amerika Syarikat pada tahun 1993, merupakan salah satu contoh agama dieksploitasikan oleh individu untuk mendapat pengaruh dan kuasa (Guinn, 2023). Begitu juga di Jepun seperti dilakukan oleh kumpulan Aum Shinrikyo yang dipimpin oleh Shoko Asahara. Kumpulan Aum Shinrikyo menyerang stesen kereta api bawah tanah di Tokyo pada tahun 1995 dengan menggunakan gas sarin. Serangan itu menyebabkan 14 orang terkorban manakala 1050 orang lagi cedera (Reader, 2000). Di Guyana, pengikut Jim Jones yang mengetuai kumpulan Peoples Temple melakukan aksi bunuh diri secara beramai-ramai pada tahun 1978 kerana terpengaruh dengan ajaran sesat yang diajar oleh Jones pada pengikutnya (Guinn, 2017).

Fenomena yang sama boleh dilihat berlaku di Malaysia dengan wujudnya kumpulan seperti al-Maunah, Tuhan Haron, Ayah Pin, Kumpulan Mujahiddin Malaysia (KMM) Jama'ah Islamiyyah (JI) dan Daesh. Kumpulan ini mempuncak satu titik persamaan.

Mereka menggunakan agama sebagai asas ideologi untuk mendapat sokongan dan seterusnya melakukan aksi keganasan.

Berdasarkan peristiwa tersebut, jelas bahawa agama sentiasa terdedah pada eksploitasi oleh kumpulan tertentu, dan ia boleh berlaku dalam semua komuniti dan agama seperti yang dibincangkan sebelum ini. Mereka menggunakan agama sebagai justifikasi keabsahan fahaman dan perjuangan mereka. Gabungan elemen agama, politik, ketidakpuashatian dan faktor-faktor lain menjadikan naratif dan ideologi mereka menarik dan menyakinkan terutama pada kumpulan rentan (*vulnerable*). Paling membimbangkan apabila ada pengikut mereka ini bertindak ganas lantaran terpengaruh dengan ideologi dan naratif yang disebarkan.


PELAMPAU AGAMA: KERANGKA KONSEPTUAL

Untuk memahami dengan lebih dalam tentang fenomena pelampau agama (*ringkas PA*), amat perlu untuk kita melihat apakah yang dimaksudkan dengan pelampau dan apa pula kriteria yang digunakan untuk mengukur tahap pelampau, termasuk juga dimensinya, dan kesan akibat wujudkan fenomena ini. Dalam tulisan ini, penulis ingin mengutarakan empat perkara utama berkaitan fenomena PA.

Pertama, kebanyakan pengkaji agama bersepakat bahawa PA adalah perbuatan melampau dalam agama. Setepatnya, kefanatikan agama (*political fanaticism*) merupakan satu fenomena yang wujud dalam kebanyakan agama dan dalam sejarah kehidupan manusia, bukannya wujud dalam agama tertentu saja. Melampau adalah sikap manusia secara umumnya, bukan sikap agama dan bangsa tertentu (Karim & Islam, 2023; Jaafar & Akhmetova, 2020).

Kedua, fenomena pelampau ini lebih mudah untuk difahami apabila kita melihat dua elemen ini. Pertama, fahaman arus perdana atau *mainstream* yang menjadi fahaman yang diterima oleh majoriti masyarakat dalam sebuah negara. Ertinya, setiap negara atau masyarakat pasti mempunyai satu nilai atau fahaman arus perdana yang menjadi identiti khusus masyarakat terbabit. Kedua, fahaman

radikal atau “*offshoot*”. Fenomena PA juga berkait dengan fahaman yang terpisah daripada fahaman arus perdana dan ia membentuk satu kumpulan radikal dan berbeza daripada arus perdana (Karim & Islam, 2023). Bahkan dalam banyak perkara, ia bertentangan dengan nilai dan fahaman arus perdana. Di Malaysia misalnya, Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan merupakan representasi fahaman arus perdana. Ia telah diterima oleh majoriti rakyat Malaysia. Begitu juga dalam konteks agama Islam, ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) diiktiraf sebagai fahaman agama arus perdana. Justeru, fahaman yang terkeluar daripada ajaran ASWJ dianggap radikal dan menyeleweng (lihat Gambar Rajah 6.1).



Gambar Rajah 6.1: Fahaman arus perdana dan *offshoot* daripada arus perdana yang menjadi fahaman radikal dan melampau.

(Sumber: El-Muhammady, 2019)


Ketiga, pakar kajian agama membahagikan melampau dalam beragama ini kepada empat dimensi iaitu melampau daripada aspek teologi, ritual, sosial dan politik (Wibisono et al., 2019) (Gambar Rajah 6.2). Ukuran atau kriteria pelampau itu dilihat berdasarkan sejauh mana sesuatu kelompok itu bersedia untuk bertoleransi dengan idea yang berbeza, atau orang yang mempunyai fahaman yang berbeza dengan mereka, atau sejauh mana mereka mampu untuk bertoleransi dan mampu untuk hidup bersama dengan orang lain (peaceful coexistence) yang mempunyai fahaman yang berbeza dengan mereka.

Dalam aspek teologi, orang yang berfahaman pelampau selalunya memprojeksikan Tuhan dengan imej yang keras, tegas dan tidak ada kompromi. Kelompok ini juga melihat manusia dari

sudut “baik vs jahat” berbanding dengan orang yang berfahaman sederhana yang selalunya mempromosikan Tuhan dengan imej yang bersifat penyayang, memahami kelemahan manusia dan lebih fleksibel (Wibisono et al., 2019).

Dari aspek ritualnya pula, kelompok pelampau agama lebih cenderung untuk berpegang teguh pada ajaran agama secara literal (literal interpretation) tanpa memberi ruang kepada tafsiran, fleksibiliti serta elemen setempat seperti nilai budaya untuk mempengaruhi amalan agama mereka. Elemen baharu dalam amalan agama dianggap sesat dan perlu dihapuskan sepenuhnya (Wibisono et al., 2019).

Begitu juga dalam aspek politik, naratif pelampau cuba mengembalikan sistem politik khalifah yang telah dihapuskan pada tahun 1924 melalui kekerasan dan menghapuskan sistem demokrasi yang dianggap sistem taghut dan tidak berdasarkan nilai-nilai Islam. Manakala kelompok sederhana pula mengambil pendekatan akomodasi antara Islam dan sistem demokrasi.



Gambar Rajah 6.2: Kerangka konseptual pelbagai dimensi.

(Sumber: Wibisono S., Loius. WR. & Jetten, J.A., 2019)

Pelampau agama juga boleh mempengaruhi dimensi sosial, misalnya kelompok pelampau ini selalu melihat agama orang lain dari sudut yang negatif dan menganggap mereka sebagai “orang luar” atau *out-group* yang tidak boleh dipercayai dan bekerjasama. Manakala kelompok yang berfahaman sederhana pula memandangkan komuniti agama lain sebagai sebahagian daripada masyarakat besar, dan mereka boleh diajak untuk berdialog, bekerjasama dalam isu yang bersifat kepentingan bersama (Wibisono et al., 2019).

Keempat, mengikut satu kajian yang dijalankan oleh pengkaji di Universiti Cambridge pada tahun 2021, mendapati tiga komponen utama yang berpotensi menjadikan seseorang itu radikal dan melampau:

Pertama, pelampau agama didapati mempunyai “*psychological signature*” yang berbeza dengan minda orang yang berfahaman sederhana. Antara indikatornya adalah berfikiran satu hala atau sempit, “*rigid*”, perlahan atau teliti untuk memproses maklumat baharu terutama yang kompleks, lemah ingatan dan mempunyai “*perceptual strategies*” yang lemah. Kelompok ini juga mempunyai kecenderungan bertindak mengikut perasaan “*impulse sensation seeking*” dan bertindak tanpa berfikir atau “*impulsivity*” berbanding dengan kelompok sederhana (Lewsey, 2021).

Kedua, kelompok pelampau juga didapati mempunyai sikap dan personaliti ego, “*self-centered*” dan narsisistik. Mereka sangat yakin pada pandangan yang dipegang dan tidak mudah untuk menerima pandangan yang berbeza dengan mereka.

Ketiga, dari segi ideologi pula, kelompok pelampau lebih selesa berpegang pada fahaman yang “*rigid*”, mempunyai pandangan alam yang tidak fleksibel atau “*fixed worldview*”, dogmatik, dan tidak mudah menerima pandangan orang lain walaupun pandangan itu disokong oleh bukti yang kukuh. Justeru, gabungan tiga elemen ini menjadi seseorang itu amat mudah terpengaruh dengan naratif pelampau dan menjadi pengikut mereka (Lewsey, 2021).

FORMULASI IDEOLOGI DAN NARATIF PELAMPAU AGAMA (PA)

Untuk memahami dengan lebih mendalam tentang fenomena pelampau agama, perlu juga kita melihat bagaimana PA memformulasikan ideologi mereka. Dalam kajian penulis berkenaan ideologi JI dan al-Qaeda, ideologi PA ini melalui empat peringkat sebelum ia menjadi satu ideologi yang koheren dan meyakinkan (El-Muhammady, 2020). Ia bermula dengan krisis, diikuti dengan seruan untuk mengambil tanggungjawab, seterusnya membentuk visi atau matlamat, dan akhir sekali bersedia untuk merealisasikan visi yang telah ditetapkan.

1. **Krisis:** ideologi PA biasanya akan memberi gambaran dan hujah bahawa dunia ini berada dalam krisis. Krisis itu mungkin digambarkan dalam bentuk sejarah jatuh bangun sesuatu bangsa, kemusnahan empayar, penindasan politik, peperangan, diskriminasi dan sebagainya. Naratif tentang krisis ini biasanya dikaitkan dengan elemen yang “personal” seperti bangsa, agama dan nilai kemanusiaan. Naratif ini digunakan untuk membangkitkan semangat bagi menyokong perjuangan mereka. Gabungan hujah yang bersifat logik, emosi dan hujah agama yang ditafsirkan sendiri menjadikan naratif PA meyakinkan terutama pada sesetengah individu.
2. **Tanggungjawab:** gambaran tentang krisis tidak terhenti di situ saja, ia akan diikuti dengan seruan untuk mengambil tanggungjawab sebagai salah seorang ahli dalam komuniti untuk membela nasib bangsa, umat dan manusia sejagat. Tanggungjawab ini dianggap sebagai penyelamat umat atau “*saviour*” yang memainkan peranan dalam usaha untuk mengubah keadaan menjadi lebih baik. Ertinya, setiap individu diberi misi untuk dilaksanakan bagi menyelamatkan umat manusia. Biasanya, hujah agama juga akan digunakan sebagai penguat atau “*legitimizing force*” bagi misi dan tanggungjawab ini.
3. **Visi:** ideologi dan naratif PA ini juga memberikan visi atau senario ideal yang ingin dicapai oleh kumpulan mereka, seperti mewujudkan semula sistem khilafah, atau negara komunis yang

ideal iaitu semua orang hidup dalam negara yang berkeadaan sama rata, atau sebuah negara yang didominasi oleh orang kulit putih seperti yang dipromosikan oleh Brenton Tarrant. Visi masa depan mempunyai impak yang mendalam bagi golongan yang tertindas, seperti orang Palestin yang kehilangan negara kerana penjajahan, atau orang Tamil di Sri Lanka yang inginkan sebuah negara merdeka. Visi yang ideal seperti ini menjadi “senjata ampuh” untuk mempengaruhi sesiapa saja yang hidup dalam penindasan politik, sosial dan ekonomi. Oleh sebab ia memberi harapan dan menjanjikan kehidupan yang lebih baik, sebab itu ada yang sedia untuk membayar visi itu dengan pengorbanan diri melalui penyertaan dalam peperangan, serangan berani mati dan “jihad”. Ia merupakan harga yang “fair” untuk mencapai matlamat yang lebih tinggi untuk satu bangsa.

4. Misi/Tindakan: mempunyai visi saja tidak mencukupi. Ia perlu diikuti dengan tindakan yang bersifat strategik, konkrit dan jangka masa panjang. Idea tidak akan bermakna sekiranya tidak ada tindakan lanjut. Justeru, operasi amat diperlukan. Pelan tindakan perlu dijalankan bagi memastikan perkara yang dirancang itu boleh diterjemahkan dalam bentuk realiti. Biasanya, misi ini terzahir dalam bentuk peperangan secara bersenjata, revolusi, rampasan kuasa, serangan berani mati dan perang saraf atau “*psychological warfare*”.

Justeru, gabungan elemen krisis, seruan mengambil tanggungjawab, pembentukan visi dan seterusnya misi mewujudkan satu naratif yang amat menyakinkan bagi pengikut PA. Naratif itu menjadi lebih “personal” dan dekat di hati pengikut apabila mereka sendiri pernah mengalami kehidupan di bawah penindasan dan tekanan. Dalam perbincangan seterusnya, kita akan melihat dua kajian kes berkaitan ideologi PA yang pernah menjadi perhatian dunia beberapa tahun lalu, iaitu kes Daesh dan Brenton Tarrant.

Kes 1: Formulasi Ideologi Daesh

Keempat-empat elemen yang disebutkan sebelum ini, iaitu elemen krisis, seruan mengambil tanggungjawab, pembentukan visi dan

seterusnya misi biasa digunakan oleh kebanyakan gerakan PA. Jika kita mengkaji secara mendalam kumpulan Daesh di Syria, matlamat terakhir mereka adalah menubuhkan sebuah daulah atau khilafah di dunia Islam, sebagaimana yang pernah wujud sejak Era Kerasulan hingga tumbangannya Khilafah Uthmaniyyah pada tahun 1924. Daesh sentiasa membawa naratif berikut: sejak jatuhnya Khilafah terakhir umat Islam, iaitu Khilafah Uthmaniyyah di Turki pada tahun 1924, umat Islam terus berada di bawah penjajahan Barat dari aspek politik, sosial, ekonomi termasuk juga intelektual. Umat Islam dihina, ditindas, dijajah dan dieksploitasi tanpa ada pembelaan seperti yang pernah dialami semasa berada di bawah pemerintahan Khilafah Uthmaniyyah. Walaupun diberi kemerdekaan, negara umat Islam terus dijajah dari segi sistem politik, pemerintahan proksi, sistem kapitalis Barat dan imperialisme bentuk intelektual.


Justeru, menjadi tanggungjawab umat hari ini untuk kembali bersatu dan berjuang bagi membela nasib umat Islam dan menubuhkan Khilafah (Dabiq 1, 2014). Mereka juga berhujah bahawa sistem demokrasi bukan berasal daripada tradisi Islam, ia adalah sistem taghut, kafir, sesat dan tidak boleh diterima sama sekali. Demokrasi juga gagal membela nasib umat manusia yang tertindas kerana prinsip "majoriti sebagai penentu" atau "*majority rules*" memberi kelebihan atau "*advantage*" kepada golongan majoriti. Majoriti selalu menindas golongan minoriti seperti yang berlaku di Palestin, Kashmir, selatan Filipina, selatan Thailand, dan negara-negara Barat yang mendiskriminasikan umat Islam dan penganut agama lain (El-Muhammady, 2019).

Kalau diteliti dengan lebih dalam lagi, Daesh juga menggunakan hujah teologi dalam formulasi ideologi mereka. Khususnya konsep Tauhid sebagai justifikasi ketuhanan atau "*theological justification*" untuk memberi legitimasi kepada perjuangan mereka. Misalnya, mereka berhujah bahawa sebagai seorang Islam, wajib beriman pada *Tauhid al-Hakimiyyah*, di samping tiga dimensi Tauhid yang lain seperti *Tauhid al-Uluhiyyah*, *al-Rububiyyah* dan *al-Asma wa al-Sifat*. *Tauhid al-Hakimiyyah* memberi makna keyakinan atau bertauhid yang tidak berbelah bagi pada Allah sebagai pembuat

undang-undang dan kewajipan umat Islam melaksanakan syariat Islam sepenuhnya, bukan sistem politik Barat seperti demokrasi, kapitalisme dan seumpamanya. Sistem ini dianggap sistem taghut kerana ia adalah sistem buatan manusia (al-Maqdisi, 2016), bukan berdasarkan pada al-Quran dan Sunnah yang dibawa oleh Nabi Muhammad. Justeru, Daesh mengatakan lagi bahawa sekiranya kita menolak *Tauhid al-Hakimiyyah* ini, maka kita akan tergolong dalam golongan kafir, taghut dan mereka yang menyembah arbab (tuhan palsu), *andad* (berhala yang disembah manusia) dan menjadi munafik (nifaq).

Atas dasar menolak *Tauhid al-Hakimiyyah* ini, maka pada pandangan Daesh golongan ini “halal darahnya dan hartanya boleh dirampas”. Apabila halal darahnya, inilah membawa kepada berlaku tindakan ganas seperti operasi bunuh diri (al-‘amaliyyah al-ishtishhadiyyah), serangan berani mati dan sebagainya (El-Muhammady, 2019).

Justeru, kita dapat melihat secara jelas apabila sesuatu kumpulan itu membawa satu saja idea radikal yang menyimpang daripada fahaman arus perdana, ia akan terbawa-bawa kepada kesesatan dan penyelewengan yang lebih parah. Ertinya, daripada satu titik penyelewengan yang pertama atau “*first point of deviation*”, seperti memasukkan elemen *Tauhid al-Hakimiyyah*, yang sememangnya ganjil dalam tradisi Tauhid Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ), ia akan membawa kepada titik penyelewengan yang kedua atau “*second point of deviation*” iaitu takfirisme. Seterusnya titik penyelewengan yang ketiga – halal darah dan hartanya boleh dirampas, dan titik yang keempat iaitu serangan berani mati (Gambar Rajah 6.3).



Gambar Rajah 6.3: Fahaman arus perdana vs titik penyelewengan (point of deviation/POD) dalam pemikiran pelampau.
(Sumber: El-Muhammady, 2019)

Berdasarkan Gambar Rajah 6.3, jelas bahawa satu penyelewengan yang berlaku akan membawa pelbagai implikasi dan kesesatan yang lebih besar. Keadaan akan lebih parah lagi apabila idea tadi diterjemahkan dalam bentuk tindakan ganas.

Kes 2: Formulasi Ideologi Brenton Tarrant

Brenton Tarrant, 28 tahun merupakan seorang rakyat Australia yang tinggal di New Zealand. Dari segi sejarah, New Zealand tidak pernah mempunyai sejarah keganasan besar seperti serangan masjid di Christchurch, New Zealand pada 15 Mac 2019. Serangan ke atas jemaah masjid Al Noor dan Linwood Islamic Centre oleh Tarrant dengan menggunakan senjata laras panjang menyebabkan 51 ahli masjid terkorban termasuk wanita, orang tua dan kanak-kanak. Kejadian ini menggegarkan New Zealand dan dunia.

Sebelum berlakunya serangan di Christchurch, dunia hanya tertumpu pada ancaman Daesh. Ancaman pelampau lain tidak mendapat perhatian sewajarnya terutama dalam media, walhal gelombang pelampau di Eropah dan Amerika Syarikat juga menunjukkan peningkatan ketara. Serangan di Christchurch meruntuh persepsi bahawa hanya orang Islam saja yang selalu terlibat dalam keganasan. Kejadian di Christchurch membawa pada perubahan paradigma terutama dalam kalangan pengkaji di Barat. Ancaman keganasan tidak mengenal agama, bangsa dan budaya. Bahkan di Barat sendiri terdapat kumpulan radikal yang berbahaya seperti *right wings* di Eropah. Dalam satu laporan yang disediakan

oleh Seth G. Jones daripada Centre for Strategic and Internasional Studies di Washington DC pada 15 Mac 2019, beliau menegaskan serangan di Christchurch itu memberi petunjuk peningkatan trend ancaman *right wings* secara global. Ertinya, trend ini bukan saja berlaku di New Zealand saja, tapi di seluruh dunia. Faktor utamanya adalah rasa terancam pada imigrasi, penggunaan media sosial yang berleluasa oleh kumpulan *far-right* dan jaringan kuat antara kumpulan pelampau di seluruh dunia (Jones, 2019).

Persoalannya ialah bagaimana seorang yang mempunyai latar belakang yang dianggap “normal” secara drastik mengambil keputusan melakukan aksi segegas itu? Apa yang berlaku dalam mindanya? Apa pula keyakinan yang dipegang hingga beliau sanggup membunuh manusia lain tanpa rasa belas kasihan dan menyesal?

Dengan menggunakan penulisan beliau, iaitu *The Great Replacement*, kita boleh meneliti mengenai proses radikalisasi yang berlaku dalam dirinya hingga beliau mengambil tindakan ganas pada tengah hari 15 Mac 2019. Dalam manifesto itu, Tarrant menyenaraikan 13 motif serangan yang beliau lakukan seperti berikut:

1. Sebagai membalas dendam terhadap penjajah (orang Islam) yang menyebabkan kematian ribuan orang di Eropah sepanjang sejarah;
2. Sebagai membalas dendam terhadap penghambaan yang dilakukan terhadap orang Eropah oleh penjajah sejak berzaman;
3. Sebagai membalas dendam terhadap ribuan orang Eropah yang terkorban dalam serangan ganas yang dilakukan oleh orang Islam di benua Eropah;
4. Sebagai membalas dendam terhadap kematian Ebba Akerlund;
5. Untuk mengurangkan kadar imigrasi negara Eropah melalui cara ugutan dan memaksa mereka keluar dari Eropah secara kekerasan;
6. Untuk membangkitkan bangsa Eropah yang sedang lena bagi bertindak tegas mulai sekarang;

7. Untuk mencetuskan keganasan, balas dendam dan perpecahan di antara orang kulit putih Eropah dan orang Islam penjajah;
8. Untuk membalas dendam terhadap kematian bangsa Eropah bagi menamatkan perang sepanjang sejarah Eropah;
9. Untuk memberi inspirasi kepada orang lain yang ingin membuat perkara yang sama pada masa akan datang;
10. Untuk mewujudkan suasana ketakutan dan perubahan;
11. Untuk meningkatkan lagi momentum kepada ketidakstabilan dan perpecahan yang sedang berlaku dalam masyarakat Barat hari ini supaya mereka sedar daripada cara hidup nihilistik, hedonistik dan kegilaan individualistik yang sedang menguasai pemikiran Barat hari ini;
12. Untuk mewujudkan ketegangan antara negara dalam North Atlantic Treaty Organization (NATO) yang didominasi oleh Eropah kulit putih dan bangsa Turki;
13. Untuk mewujudkan konflik dalam negara Amerika Syarikat dalam isu pemilikan senjata supaya jurang sosial, budaya, politik dan bangsa terus membesar (Tarrant, 2019).

Kalau kita aplikasikan empat fasa formulasi ideologi yang disebutkan sebelum ini, jelas bahawa Brenton Tarrant juga melalui empat fasa terbabit; iaitu krisis, tanggungjawab, visi dan misi atau pelan tindakan. Bagi Tarrant, dunia Eropah berada dalam krisis besar iaitu "*The Great Replacement*" yang dilakukan oleh orang bukan kulit putih, khususnya orang Islam yang datang dari Asia Barat, Afrika dan Asia. Kehadiran mereka di Eropah dan negara orang kulit putih merupakan satu bentuk kolonialisasi secara halus. Ia akan berakhir dengan terhapusnya orang kulit putih di negara mereka sendiri (Tarrant, 2019).

Justeru, bangsa kulit putih perlu mengambil tanggungjawab untuk menghentikan "*great replacement*" ini, secara keras dan halus supaya pengaruh dan bilangan "penjajah" bukan kulit putih boleh dikurangkan dan akhirnya dihapuskan. Jadi, misinya adalah untuk menghentikan kemasukan orang Islam yang dianggap "penjajah" atau "*invaders*" dan seterusnya mengekalkan ketulenan bangsa kulit putih. Dalam kes Brenton Tarrant, beliau menyatakan mengapa

beliau harus menunggu orang lain, kalau dia sendiri yang mampu melakukan perubahan itu. Akibat daripada kesedaran ini, beliau mengambil keputusan untuk membunuh orang Islam seperti yang berlaku di Christchurch pada 15 Mac 2019.

Di samping itu juga, sebagaimana yang disebutkan sebelum ini, komuniti agama lain juga menghadapi ancaman pelampau agama, termasuk dalam agama Hindu, Buddha, Sikh dan pelbagai jenis ajaran sesat yang lain. Cuma, perkara yang perlu difahami ialah mereka bukan kumpulan majoriti. Mereka adalah kelompok minoriti atau "*fringe extremist*" yang cuba menimbulkan konflik dan ketidakstabilan dalam masyarakat. Meskipun angkanya kecil, kita tidak seharusnya memandang ringan pada kelompok ini, kerana kesan tindakan mereka besar. Impak kumpulan minoriti ini mempunyai kesan ganda yang besar atau "*exponential*" sifatnya. Justeru, semestinya langkah pencegahan, kesedaran dan "*counter-narrative*" perlu dipergiatkan daripada semasa ke semasa untuk mengekang penyebaran fahaman pelampau dalam negara.


IMPLIKASI PELAMPAU AGAMA

Kewujudan pelampau agama atau "*religious extremism*" dalam masyarakat walaupun angkanya sedikit adalah amat berbahaya kepada masyarakat dan negara. Ini kerana, ideologi yang disebarkan boleh berkembang dengan cepat tanpa disedari. Implikasi kepada negara merangkumi aspek teologi, epistemologi, sosial, politik, ekonomi, keselamatan dan sebagainya (Gambar Rajah 6.4).

Dari aspek teologi misalnya, PA merosakkan nilai ajaran sebenar agama, terutama dari segi akidah bagi agama Islam. PA merosakkan imej ketuhanan dalam Islam. Mereka bertindak ganas atas nama Tuhan kerana membuat kesimpulan yang dibuat tidak bertepatan dengan nilai sebenar Islam. Ia juga dilakukan tanpa mengikut prosedur epistemologi ilmu Islam. Hakikatnya, kegagalan mereka memahami epistemologi Islam menyebabkan mereka membuat tafsiran dan kesimpulan sendiri tanpa merujuk kepada pandangan majoriti atau ijmak ilmuwan Islam seperti yang dituntut oleh tradisi epistemologi

Islam. Akibat daripada kesalahan ini, maka tidak terkejut sekiranya orang bukan Islam memandang Islam sebagai agama ganas, tidak bertamadun, mundur, fanatik dan sebagainya. Justeru, PA sebenarnya menyumbang kepada berkembangnya fenomena Islamofobia di Barat dan penyumbang utamanya ialah kumpulan PA.

Kewujudan PA juga menimbulkan kerengsaan dalam kehidupan sosial, politik dan ekonomi. Ini kerana, mereka tidak menghargai kepelbagaian atau "*diversity*" sama ada dalam budaya dan agama. Mereka lebih cenderung untuk menghukum masyarakat yang mempunyai perbezaan daripada fahaman dan pandangan alam atau "*worldview*" yang dipegang oleh kumpulan mereka. Bahkan PA bertekad untuk mengubah sistem politik dan ekonomi yang sedia ada atas dasar sistem itu merupakan antitesis pada Islam. Justeru, pandangan seperti ini bukan menjurus kepada kestabilan, bahkan ia menyumbang kepada ketidakstabilan dan ancaman kepada keharmonian masyarakat.



Gambar Rajah 6.4: Impak kewujudan pelampau agama kepada negara.

RUMUSAN

Berdasarkan perbincangan dalam bab ini, terdapat beberapa perkara yang boleh disimpulkan. Pertama, PA wujud dalam semua agama dan komuniti. Ia bermula dengan sikap dan pemikiran manusia dan menggunakan hujah agama sebagai justifikasi keabsahan fahaman mereka. Fenomena ini boleh diperhatikan dalam sejarah dan insiden yang berlaku pada hari ini. Kedua, untuk memahami konsep PA, dua perkara perlu diperhatikan, iaitu konsep fahaman arus perdana yang menjadi ikutan ramai, dan fahaman radikal atau pelampau yang melencong daripada fahaman arus perdana. Ketiga, PA dikaitkan dengan cara berfikir atau "*psychological signature*", personaliti, dan pola ideologi yang tegar dan keras. Keempat, pembentukan ideologi PA bermula dengan mengenal pasti krisis yang berlaku dalam dunia, wujudnya rasa tanggungjawab, penentuan visi dan misi yang perlu dibuat untuk mencapai tujuan atau misi. Ini jelas dapat dilihat dalam ideologi Daesh dan berhaluan kanan yang dipegang oleh Brenton Tarrant. Kelima, PA mempunyai kesan jangka panjang pada negara sekiranya ia tidak ditangani dengan segera, kerana ideologi boleh tersebar dengan mudah dalam era teknologi maklumat hari ini. Keenam, dalam usaha menangani ancaman kumpulan ini juga, perlu juga difahami punca krisis yang berlaku dalam kehidupan mereka kerana hakikatnya setiap perbuatan itu mempunyai punca sebab atau "*root causes*". Antaranya kemunculan Daesh adalah disebabkan penaklukan dan kekejaman Amerika Syarikat di Iraq dan Afghanistan. Oleh itu, generasi yang lahir dalam tempoh itu mengalami trauma peperangan yang teruk hingga membentuk cara berfikir mereka. Begitu juga dengan peristiwa yang berlaku di Palestin. Kajian terhadap kesihatan mental tahun 2009 menunjukkan kanak-kanak di Gaza sebagai kanak-kanak yang paling teruk mengalami trauma peperangan. Kekejaman berpuluh tahun Zionis di Palestin ini membangkitkan rasa perlu kepada bangkit menentang dalam kalangan penduduknya tetapi dianggap sebagai pengganas oleh Israel dan sesetengah sekutunya.

RUJUKAN

- Al-Maqdisi, A.A. (2016). *Religion of Democracy (Arabic)*. <https://www.noor-book.com/en/ebook-الديمقراطية-دين-pdf>
- Beech, H. (2013, Jun). Straying From the Middle Way: Extremist Buddhist Monks Target Religious Minorities. *Time*. Diakses daripada <https://world.time.com/2013/06/20/extremist-buddhist-monks-fight-oppression-with-violence/>
- Carnegie Mellon Endowment for International Peace. (2023, Oktober,). Hamas' October Attacks and the Israeli War on Gaza: Reflections from Palestinians. *Sada*. Diakses daripada <https://carnegieendowment.org/sada/90836>.
- Central Intelligence Agency (CIA). (2023, Julai 8). Terrorism Organizations. *The World Factbook*. Diakses daripada <https://www.cia.gov/the-world-factbook/references/terrorist-organizations/> (19 March 2019). Christchurch attacks were a form of 'Christian terrorism', as well as racial hatred, says religion expert. *AA*. Diakses daripada <https://www.aa.com.tr/en/asia-pacific/christchurch-mosque-shooter-viewed-muslims-as-invading-others-to-change-european-race-new-zealand-theologian/316552>
- Dabiq 1 (2014). Dabiq 1 Kembalinya Kekhilafahan. *Dabiq 1*. Diakses daripada <https://archive.org/details/Dabiq1KembalinyaKekhilafahan>
- Dabiq 2 (2014). DABIQ2-indo. *Dabiq 2*. Diakses daripada <https://archive.org/details/DABIQ2-indo>
- Dhume, Sadanand. (2019, Disember 29). Opinion | India's Government Considers a 'Muslim Ban'. *The Wall Street Journal*. <https://www.wsj.com/articles/indias-government-considers-a-muslim-ban-11555629051>
- Espié, E., Gaboulaud, V., Baubet, T., Casas, G., Mouchenik, Y., Yun, O., Grais, R. F., & Moro, M. R. (2009). Trauma-related psychological disorders among Palestinian children and adults in Gaza and West Bank, 2005-2008. *International Journal of Mental Health Systems*, 3(21), <https://doi.org/10.1186%2F1752-4458-3-21>
- El-Muhammady, A. (2019). Ideological Formulation of Jama'ah Islamiyyah and Malaysia's Rehabilitative Approach In Negotiating

- Jama'ah Islamiyyah Discourse, 1993-2012. (PhD Disseration). Kuala Lumpur: ISTAC-IIUM.
- El-Muhammady, A. (2020). *Radicalisation Model: Learning from Malaysian Militant-Extremists in Roban Gunaratna and Sabariah Hussain, Terrorist Deradicalisation In Global Contexts: Success, Failure and Continuity*. Routledge.
- Foster, R. (2019). Why the Arguments of the New Atheists are often just as Violent as Religion. *Kings College London*. Diakses daripada <https://www.kcl.ac.uk/new-atheists>.
- Gerges, F. (2014). ISIS and the third wave of jihadism. *Current History*, 339-343.
- Guinn, J. (2023). *Waco: David Koresh, the Branch Davidians, and A Legacy of Rage*. Simon & Schuster.
- Harvard Divinity School. (2018). *Destruction of Ayodhya Mosque*. <https://rpl.hds.harvard.edu/religion-context/case-studies/violence-peace/destruction-ayodhya-mosque>
- Human Rights Watch*. (2019). Sri Lanka: Muslims Face Threats, Attacks. Diakses daripada <https://www.hrw.org/news/2019/07/03/sri-lanka-muslims-face-threats-attacks>
- Institute for Economics & Peace. (2023). *Global Terrorism Index 2023*. Diakses daripada <https://www.visionofhumanity.org/wp-content/uploads/2023/03/GTI-2023-web-170423.pdf>.
- Jaafar, M. I., & Akhmetova, E. (2020). Religious extremism and de-radicalization of Muslims in Malaysia: The Malay ties with the Mujahidin, al-Qaeda, and ISIS. *Journal of Nusantara Studies*, 5(1), 104-123.
- Jones, S.G. (2019). The New Zealand Attack and the Global Challenge of Far-Right Extremism, Centre for Strategic and International Studies, Washington DC, US. Retrived on 10 August 2024 at: <https://www.csis.org/analysis/new-zealand-attack-and-global-challenge-far-right-extremism>
- Karim, M.R. & Islam, T. (2023). Approaches to Deradicalize Religious Extremism: A Review of Some Literature. *Proceedings of the 9th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2023)*. Universiti Sains Islam Malaysia, 4-5 October.

- Lewsey, F. (2021). *Psychological 'signature' for the extremist mind uncovered*. <https://www.cam.ac.uk/stories/extremistmind>
- Majumdar, S. & Villa, V. (2021) *Globally, Social Hostilities Related to Religion Decline in 2019, While Government Restrictions Remain at Highest Levels*. Pew Research Centre at <https://www.pewresearch.org/religion/2021/09/30/globally-social-hostilities-related-to-religion-decline-in-2019-while-government-restrictions-remain-at-highest-levels/>)
- Parker, T. & Sitter, N. (2015). The four horsemen of terrorism: it's not waves, it's strains. *Terrorism and Political Violence*, 28(2), 197-216.
- Pinto, J.F. (2019). Global Religious Terrorism, A Troubling Phenomenon. *Global Journal of Human-Social Science (A)*. XIX(1), Version 1.
- Rapoport, D. (2001). "The fourth wave: September 11 in the history of terrorism." *Current History*, 100(650), 419-424.
- Reader, I. (2000). *Religious violence in contemporary Japan: the case of Aum Shinrikyo* Nordic Institute of Asian Studies monograph series 82. Taylor and Francis; Routledge; Curzon.
- Riley-Smith, J. (1986). *The First Crusade and the Idea of Crusading*. University of Pennsylvania Press.
- Saha, S. (2016). The Age of Religious Wars in Europe (1560-1715). *International Journal of Social Science and Humanities Research*, 4(1), 347-351.
- Tarrant, B. (2019). *The Great Replacement: Towards A New Society*. https://dl1.cuni.cz/pluginfile.php/1192779/mod_resource/content/1/Tarrant_vyber%20%281%29.pdf
- Tyerman, C. (2006). *God's War: A New History of the Crusades*. Penguin Group.
- U.S. Department of State. (n.d.). *Foreign Terrorist Organizations*. Retrieved 01 July, 2023, from U.S. Department of State: <https://www.state.gov/foreign-terrorist-organizations/>
- U.S. Department of State. (n.d.). *The Global War on Terrorism: The First 100 Days*. Retrieved 02 July, 2023, from U.S. Department of State: <https://2001-2009.state.gov/s/ct/rls/wh/6947.htm>

- Wibisono S, Louis WR, Jetten J. A. (2019). Multidimensional Analysis of Religious Extremism. *Front Psychol.* Nov 18;10:2560. doi: 10.3389/fpsyg.2019.02560. PMID: 31803105; PMCID: PMC6876432. <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC6876432/>.
- Yusof, Danial Mohd. (2020). Dialogue on 'Post "Caliphate": Daesh in the Digital Realm'. Kertas kerja yang dibentangkan di Public Dialogue on Post "Caliphate": Daesh in the Digital Realm, Anjuran The Asia-Europe Institute (AEI) University of Malaya dengan kerjasama with the Southeast Asia Regional Centre for Counter-Terrorism (SEARCCT), Ministry of Foreign Affairs, Malaysia, Centre for ASEAN Regionalism University of Malaya (CARUM) dan Department of International and Strategic Studies, FASS UM, Kuala Lumpur, 20 November 2019.

BAB 7

NARATIF EKSTREMIS DAN MEDIA SOSIAL DI MALAYSIA: MERUNGKAI LANDSKAP DALAM TALIAN

*Abmad El-Muhammdy, Maslinawati Mohamad,
Nor Balkish Zakaria & Asma Muhammad Uthman El-Muhammady*

PENGENALAN

Dalam bab ini, kita akan membincangkan cara kumpulan ekstremis menggunakan media sosial untuk menggalakkan proses radikalisme dan rekrutmen. Kajian ini dibuat berdasarkan penelitian beberapa kumpulan ekstremis seperti *far-right extremism* di Eropah dan Daesh di Syria dan kumpulan yang bersimpati dengan ideologi mereka. Untuk membicarakan tajuk ini, kita akan melihat tiga perkara: pertama, konsep media sosial dan mengapa ia menjadi platform

pilihan kumpulan radikal; kedua, bagaimana media sosial digunakan untuk tujuan penyebaran, promosi, dan perekrutan anggota baharu, dan sebagai platform untuk perbincangan wacana radikal. Ketiga, impak dan implikasi media sosial terhadap perkembangan wacana ekstremisme kepada masyarakat dan negara.

MEDIA SOSIAL: KONSEP DAN APLIKASI

Media sosial merupakan fenomena moden yang muncul pada awal tahun 1990-an ekoran berlakunya letupan teknologi maklumat di Amerika Syarikat. Fenomena “*Internet boom*” ini mempunyai kesan limpahan atau “*spillover effect*” kepada Malaysia dan seluruh dunia. Media sosial merujuk kepada satu istilah kolektif berkaitan dengan sesawang dan aplikasi komunikasi, atau input yang dihasilkan oleh komuniti, interaksi yang berlaku dalam komuniti, perkongsian data dan maklumat, dan juga kolaborasi yang berlaku dalam alam maya. Secara ringkasnya, media sosial juga merujuk kepada kemudahan sesawang, jaringan, dan program komputer dan “*smartphone*” yang membolehkan individu berkomunikasi antara satu sama lain, dan berkongsi maklumat dalam Internet dengan menggunakan komputer atau telefon mudah alih. Dengan wujudnya media sosial, individu dan kumpulan boleh berkomunikasi dengan mudah dengan orang lain, sama ada dalam jarak yang dekat dan jauh (Online Cambridge Dictionary, 2024).

Pakar strategi pasaran mengklasifikasikan media sosial kepada 10 jenis:

1. Jaringan sosial (social networks) seperti Facebook, Twitter/X, Instagram, LinkedIn, TikTok dan sebagainya;
2. Forum perbincangan (discussion forums) seperti Reddit, Digg, Qoura, Clubhouse dan sebagainya;
3. Jaringan perkongsian imej (image-sharing networks) seperti Instagram, Flickr, Photobucket;
4. Jaringan penanda buku (Bookmarking networks) seperti Feedly, Flipboard, Pocket, StumbleUpon, Pinterest;

5. Blog dan jaringan percetakan (blogging and publishing networks) seperti Medium, WordPress, Facebook dan Tumblr;
6. Jaringan semakan pengguna (consumer review networks) seperti Tripadvisor, Yelp, OpenTable, Google My Business;
7. Jaringan berasaskan minat (interest-based networks) seperti Strava, Peanut, Goodreads;
8. Jaringan perkongsian ekonomi (sharing economy networks) seperti Lending Club, Couchsurfing dan Eatwith;
9. Jaringan belanja sosial (social shopping networks) seperti Instagram, Poshmark, Etsy dan Facebook;
10. Platform perumah untuk video (video hosting platforms) seperti YouTube, TikTok, Snapchat, Vimeo dan Instagram (Indeed Editorial Team, 2023).

Penggunaan media sosial sebenarnya banyak bergantung kepada tujuan penggunaan wadah terbabit. Misalnya, untuk meluaskan jaringan kerjaya, platform LinkedIn pastinya lebih sesuai kerana LinkedIn direka khas untuk tujuan mencari pekerjaan dan membina jaringan antarabangsa. Untuk penyebaran maklumat, Facebook, Twitter/X dan Instagram merupakan medium yang lebih efektif bagi mencapai sasaran. Begitu juga dalam penyebaran wacana ekstremisme dan keganasan, kebanyakan kumpulan penganas dan ekstremis menggunakan platform Facebook, Twitter/X, YouTube, Instagram, WhatsApp dan Telegram. Wadah ini amat efektif, mudah, cepat dan selamat daripada dikesan oleh pihak keselamatan.

Persoalan seterusnya, mengapa media sosial menjadi wadah terpenting penyebaran wacana dan naratif ekstremisme? Mungkin kebanyakan orang akan mengatakan media sosial dan “*cyberspace*” menyediakan ruang yang tidak terbatas dan bebas untuk berkongsi idea tanpa pemantauan oleh pihak berkuasa. Bekas perekrut kumpulan penganas memberitahu penulis “media sosial digunakan kerana segala maklumat hanya di hujung jari saja dan boleh diakses di mana saja kita berada” (Temu bual bekas perekrut 1 kumpulan Daesh, 2019). Setiap orang yang mempunyai kemudahan ini boleh akses segala maklumat dengan cepat, murah, tanpa mengira lokasi,

dan latar belakang sosial dan ekonomi. Ia juga percuma dan mesra pengguna (Temu bual bekas perekrut 2 kumpulan Daesh, 2019).

Pendapat tersebut memang ada kebenarannya. Meskipun begitu, terdapat tiga hujah mengapa media sosial menjadi tarikan utama kumpulan ekstremis-radikal. Pertama, ekosistem dalam sistem demokrasi dan wacana pascamoden menyediakan ruang terbaik untuk penggunaan dan perkembangan wacana ekstremisme dalam ruang siber. Kedua, kumpulan ekstremis selalu menggunakan hujah bahawa mereka juga mempunyai hak demokrasi atau "*democratic rights*" untuk menyebarkan fahaman dan ia tidak boleh disekat kerana ini akan bertentangan dengan kebebasan bersuara. Ketiga, wacana ekstremisme juga boleh menjadi pengimbang kepada wacana arus perdana yang mendominasi media massa hari ini.

Bailard (2014) menghujahkan bahawa demokrasi memang seperti pedang bermata dua sifatnya, ia boleh digunakan untuk tujuan kebaikan seperti memberikan kebebasan kepada rakyat untuk menzahirkan pandangan mereka. Di samping itu, rakyat akan taat setia kepada pemerintah kerana memberikan kebebasan itu. Di sini jelas dilihat bahawa penggunaan demokrasi itu positif sifatnya. Sebaliknya, ia juga boleh disalahgunakan untuk menyebarkan fahaman radikal dan ideologi ekstremisme. Dalam kes kumpulan Daesh dan Jama'ah Islamiyyah (JI) misalnya, mereka memang tidak mengiktiraf pemerintah sedia ada. Bagi mereka kerajaan hari ini ialah kerajaan kafir dan taghut kerana mengamalkan sistem demokrasi buatan manusia. Pada masa yang sama mereka menggunakan hak demokratik untuk menyebarkan fahaman mereka kepada rakyat.

Di sini dapat dilihat secara jelas bahawa walaupun demokrasi menjanjikan kestabilan dan ketenteraman kepada masyarakat, ia boleh digunakan untuk mensabotaj demokrasi itu sendiri, misalnya untuk menyebarkan wacana ekstremisme. Begitu juga dalam kes Capital Hill Siege pada 6 Januari 2021. Kumpulan "*right wings extremism*" menggunakan hujah demokrasi, kebebasan bersuara, dan hak berhimpun dan melakukan kerosakan di Capital Hill, Washington DC, Amerika Syarikat. Begitu juga di Jerman, kumpulan Salafi secara mudah menggunakan kebebasan demokrasi untuk menyebarkan ideologi mereka (Deutsche Well, 2012).

Kemunculan pemikiran pascamoden merumitkan lagi keadaan sedia ada. Ini kerana, pascamoden membawa pemikiran bahawa semua wacana itu sama saja (equality of discourse), walau apa pun bentuk wacana terbabit. Menurut Ahmed (2007), kemunculan pascamodeniti memang selari dengan perkembangan media dan kedua-duanya saling bergantung antara satu sama lain. Dalam konteks media sosial, pasca moderniti menawarkan tiga kelebihan kepada kumpulan ekstremis.

Pertama, pascamodeniti menawarkan kesamaan wacana atau “*equality of discourse*” iaitu semua wacana tidak kira apa bentuknya diberi untuk dikongsi secara meluas tanpa halangan. Peluang ini dimanfaatkan oleh Daesh dengan sebaik mungkin. Sejak pengisytiharan Khalifah pada 2014, Daesh terus mengeluarkan majalah mereka sendiri yang diberi nama *Dabiq* sebanyak 15 keluaran dari tahun 2014 hingga 2016, dan *Rumiyyah* sebanyak 13 keluaran dari tahun 2016 hingga 2017, dan *al-Naba* hingga sekarang. Di samping itu, Daesh juga menghasilkan video-video berkualiti tinggi sebagai alat propaganda. RAND Corporation (2018), sebuah badan pemikir berpangkalan di Washington DC, melaporkan:

ISIS's strategic use of social media demonstrates the resourcefulness of the terrorist-cum-insurgent organisation, which mobilized an estimated 40,000 foreign nationals from 110 countries to join the group. Increasing internet access in both Africa and the Middle East means that ISIS also has a new pool of potential supporters who, through social media, could be recruited to join its effort to regain control of lost territory.

Kedua, pemerintah semakin kehilangan kuasa berpusat atau “*central authority*” untuk mengawal wacana awam. Negara sudah lagi tidak memegang monopoli ke atas maklumat yang disalurkan kepada masyarakat. Hari ini, sentiasa ada peluang untuk mencipta berita dan berkongsi dengan orang lain tanpa sebarang sekatan.

Ketiga, kemunculan teknologi, platform media sosial, dan kemudahan Internet memperkasakan pengguna untuk mengakses


maklumat dan menggunakannya mengikut selera mereka, termasuk juga menyebarkan wacana dan naratif ekstremis di mana saja mereka berada, pada bila-bila masa. Justeru, kombinasi tiga elemen tadi iaitu pendemokrasian maklumat, wacana yang sama rata, ditambah pula dengan merosotnya kuasa monopoli kerajaan mengawal maklumat, dan kecanggihan teknologi maklumat mewujudkan satu “lautan biru” (blue ocean) kepada kumpulan radikal yang ingin menyebarkan wacana mereka dengan mudah (El-Muhammady, 2023).

MEDIA SOSIAL: INSTRUMEN PENGREKRUTAN

Bagaimana media sosial digunakan sebagai instrumen pengrekrutan? Dalam kajian penulis pada dua kumpulan yang ada kaitan dengan Daesh di Malaysia, iaitu kumpulan Gagak Hitam dan Revolusi Islam/Revo Group, proses rekrutmen dengan menggunakan media sosial ini melalui tiga fasa utama.

Fasa Pertama: Perkongsian Terbuka dan Besar-besaran

Perkongsian secara terbuka dan besar-besaran berkaitan dengan ideologi dan naratif mereka. Tujuannya adalah untuk menyebarkan maklumat terbabit seluas mungkin. Kaedah “*large catchment of audience*” ini amat berkesan untuk menarik perhatian pengguna media sosial. Biasanya, perkongsian ini berkaitan isu yang menyentuh perasaan, imej yang menarik perhatian, logo, tema dan lagu-lagu nasyid yang merdu dan berorientasikan keberanian, kebebasan, dan kemenangan. Untuk tujuan ini, Facebook, Twitter/X, YouTube, Instagram, Telegram dan WhatsApp biasa digunakan (Gambar Rajah 7.1)



Gambar Rajah 7.1: Tiga fasa pengrekrutan ke dalam kumpulan radikal.
(Sumber: El-Muhammady, 2023)

Fasa Kedua: Mengenal Pasti Rekrut Baharu dan Induksi

Pemilik akaun akan mengenal pasti sasaran yang berpotensi untuk direkrut. Caranya adalah dengan melihat kepada tahap minat (level of interest and engagement) pengguna kepada naratif yang dikongsikan. Misalnya, pengguna yang banyak menulis komen atau respons kepada “posting” dianggap sasaran terbaik untuk direkrut. Sasaran ini akan dihubungi secara “personal” oleh pemilik akaun dan dijemput untuk menyertai kumpulan yang lebih tertutup, eksklusif, dan khas untuk orang terpilih saja. Biasanya, kumpulan Telegram atau WhatsApp akan digunakan untuk tujuan ini kerana ia lebih selamat dan terkawal, berbanding Facebook.


Dalam aplikasi Telegram dan WhatsApp, perbincangan akan menjadi lebih intensif terutama menyentuh soal ideologi, justifikasi penyertaan dan sokongan kepada kumpulan, cara mengumpul dana, bahkan kaedah serangan. Pemilik akaun juga akan berkongsi material, seperti bahan bacaan, video, audio, imej dan logo yang berkaitan dengan perjuangan kumpulan. Dalam ekosistem ini, ahli diminta mengangkat bai’ah atau taat setia pada ketua kumpulan. Di sini juga proses radikalisis berlaku. Segala kegiatan dalam

kumpulan ini wajib dirahsiakan daripada pengetahuan orang luar, terutama pihak berkuasa.

Proses Radikalisasi

Dalam kajian yang dilakukan di Malaysia, proses radikalisasi melalui lima fasa: praradikalisasi, pendedahan, internalisasi, eksternalisasi, aktualisasi, pascaaktualisasi dan rehabilitasi (El-Muhammady, 2021).

1. Praradikalisasi: merujuk kepada kehidupan individu sebelum terdedah kepada fahaman ekstremisme. Ia juga merujuk kepada latar belakang keluarga, “*upbringing*”, pendidikan, kehidupan sosial, keluarga dan masyarakat setempat.
2. Pendedahan atau fasa “*exposure*”: merujuk kepada fasa pendedahan awal individu berkenaan fahaman, ideologi dan naratif ekstremisme (lihat Gambar Rajah 7.2). Kebanyakan terdedah pada naratif ini, apabila mereka membaca berita, menonton televisyen, membaca bahan bacaan yang dihasilkan kumpulan ekstremis. Mereka yang terdedah pada naratif ekstremisme biasanya akan bertindak seperti berikut: Pertama, terus menolak naratif terbabit kerana ia tidak “*compatible*” dengan nilai yang dipegang. Orang yang mempunyai daya tahan yang tinggi (*high resilience*) biasanya tidak mudah untuk dipengaruhi oleh naratif ini. Kedua, mereka yang terus menerima ideologi atau naratif terbabit dan menjadi semakin berminat untuk mengetahui selanjutnya. Ketiga, mereka berada dalam keadaan berbelah bagi atau keliru. Mereka tidak terus menerima atau terus menerima naratif itu. Keadaan ini tidak lama kerana pada akhirnya seseorang perlu memilih untuk menolak atau menerima naratif ekstremisme tersebut.



Gambar Rajah 7.2: Imej dan naratif yang digunakan oleh kumpulan Gagah Hitam untuk menarik minat orang baharu dalam proses pengrekrutan.

3. Internalisasi: merujuk kepada perasaan minat dan ingin tahu lebih mendalam tentang ideologi, naratif dan aktiviti yang dialami oleh individu setelah terdedah pada naratif kumpulan. Individu yang berada pada fasa ini menunjukkan sikap minat untuk mengetahui isu tersebut dengan lebih mendalam. Dia mula mengumpul bahan bacaan berkaitan dengan kumpulan yang diminati, melihat YouTube dan menjadi peminat setia kumpulan tersebut. Proses internalisasi ini mampu untuk membina pengikut tegar kerana mereka sudah mempunyai “*knowledge base*” yang kuat bagi meyakinkan orang lain menyertai kumpulan mereka.
4. Eksternalisasi: merujuk kepada penzahiran fahaman mereka melalui penulisan, pengucapan, perkongsian bahan secara langsung dan tidak langsung dengan orang lain. Orang yang berada pada tahap ini biasanya akan berkongsi bahan bacaan di atas talian, dan mengajak orang lain menyertai kumpulan mereka (lihat Gambar Rajah 7.3).



Gambar Rajah 7.3: Perkongsian yang dibuat oleh ahli kumpulan Telegram dalam proses pengrekrutan dan radikalisasi.

5. Aktualisasi: merujuk kepada tindakan melakukan aksi keganasan, mengangkat sumpah taat setia (lihat Gambar Rajah 7.4) mengumpul dana dan mempromosikan fahaman radikal mereka. Fasa aktualisasi ini berkaitan dengan Fasa Ketiga dalam bahagian ini, iaitu operasi.

11

1 ~ Divisi Jihad Media ~ 1 5/3/16

Saya Abdullah bersumpah bahwa saya adalah anshar daulah yg telah berbai'at kpd Khalifah Al baghdady & saya bukan jасus, Jika saya adalah jасus, maka semoga tubuh saya dihancurkan berkeping2 dgn azab Allah,, aamiin

Saya Abdullah , berbaiat kepada syaikh Ibrahim bin Awwad bin Ibrahim alhusainy alquraisy albaghdady hafidzhahullah tuk mendengar & taat dalam keadaan giat ataupun malas, dalam keadaan lapang maupun susah, & sekalipun melantarkan saya & saya tidak akan merebut kekuasaan dari pemiliknya, kecuali bila saya melihat kekafiran yg nyata yg saya memiliki hujjah dari Allah & saya akan berkata yg haq dimanapun saya berada, tidak takut celaan orang yg suka mencela & Allah menjadi saksi atas apa yg saya ucapkan."

Dan saya memintakan disegerakannya adzab Allah SWT kepada diri saya dan keluarga saya, bila saya Abdullah berkhianat kepada ikhwah Anshar Daulah dengan memberikan informasi penting kepada thaghut berupa identitas, strategi, maupun pergerakan yang sekecil-kecilnya dari perjuangan ini atau apapun yang dapat membahayakan keselamatan anshar Daulah lainnya. Bila saya tertangkap atau terancam dibunuh, saya tidak akan memberikan informasi apapun kepada musuh-musuh Allah.

Gambar Rajah 7.4: Bacaan lafaz bai'ah yang dibuat oleh anggota kumpulan Telegram Gagak Hitam kepada Pemimpin Daesh Abu Bakar Al-Baghdadi.

(Sumber: Laporan Analisa Pakar, Ahmad El-Muhammady, 2019)

Kajian yang dilakukan di Malaysia juga mendapati lima fasa pembentukan minda dan radikalisasi yang berlaku dalam media sosial (Jadual 7.1). Kajian ini dibuat berdasarkan analisis dua set perbualan dalam kumpulan Telegram yang dibuat oleh pengikut Daesh di Malaysia.

Jadual 7.1: Lima langkah yang dilakukan oleh pemilik akaun Telegram untuk merekrut orang baharu ke dalam kumpulan ekstremis.

Pembinaan kepercayaan	<i>Trust-building</i> – perekrut cuba membina keyakinan ahli baharu dengan memulakan perbualan tentang perkara biasa yang tidak berkaitan dengan ideologi atau kumpulan, kegiatan keganasan. Perbualan banyak terfokus pada isu semasa, kehidupan harian dan perkongsian nasihat.
Pembentukan minda	<i>Mindformation</i> – apabila mereka sudah mendapat kepercayaan daripada pengikut baharu, langkah seterusnya adalah membentuk minda pengikut baharu dengan perkongsian cerita tentang kesusahan di negara perang, dan keperluan untuk membantu kelompok yang tertindas. Perekrut juga menggunakan hujah-hujah agama, ayat-ayat al-Quran, hadis dan pandangan ulama untuk meyakinkan ahli baharu.
Pembinaan persetujuan	<i>Consensus building</i> – proses untuk mendapat persetujuan daripada ahli baharu tentang perkongsian yang dibuat. Ahli baharu juga diminta untuk memberi sokongan kepada perjuangan kumpulan mereka. Apabila perekrut sudah mendapat persetujuan, ia akan pergi ke peringkat selanjutnya, iaitu penetapan atau “ <i>affirmation</i> ”.
Pengukuhan	<i>Affirmation</i> – proses ini merujuk kepada lafaz bai’ah yang dibuat oleh pengikut baharu untuk memberi ketaatan dan sokongan yang tidak berbelah bagi kepada kumpulan dan perjuangan mereka (lihat Gambar Rajah 7.4).
Aktualisasi	<i>Actualisation</i> – merujuk kepada perbuatan penglibatan dalam aktiviti keganasan, seperti melakukan serangan, memberi dana dan mempromosikan ideologi kepada orang lain.


(Sumber: El-Muhammady, 2021)

Fasa Ketiga: Operasi

Fasa operasi atau aktualisasi merujuk kepada penglibatan secara fizikal dengan kegiatan keganasan, seperti melancarkan serangan, mengumpul dana, membuat persiapan untuk serangan dan sebagainya. Jadi, berdasarkan proses yang dijelaskan tersebut, jelas bahawa media sosial memainkan peranan besar proses pengrekrutan dan radikalisme dalam kalangan belia di Malaysia.


FAR-RIGHT EXTREMISM

Sebagai perbandingan, bab ini juga mengulas berkenaan cara kelompok *far-right extremism* menggunakan media sosial untuk melakukan rekrutmen dan operasi kegiatan mereka. Sebagai contoh, pengganas terkenal Brenton Tarrant menggunakan platform Facebook live untuk merakam pembunuhan beramai-ramai ahli masjid di Christchurch, New Zealand. Motif serangan berpaksikan kepada kebencian pada bangsa asing dan penganut agama Islam yang dianggap cuba menenggelamkan bangsa kulit putih dan penganut agama Kristian di Barat dan New Zealand. Dalam tulisannya *The Great Replacement: Towards A New Society* (2019) (lihat Gambar Rajah 7.5), Brenton Tarrant menyeru orang kulit putih menghapuskan penganut agama Islam kerana menjadi punca terhapusnya orang kulit putih dan Kristianiti di negara mereka sendiri (Tarrant, 2019).



Gambar Rajah 7.5: Manifesto *The Great Replacement: Towards A New Society* yang ditulis oleh Brenton Tarrant.

Video pembunuhan Tarrant menjadi viral di seluruh dunia dalam masa yang singkat (lihat Gambar Rajah 7.6). Imej New Zealand yang terkenal sebagai sebuah negara yang mempunyai nilai toleransi dan “*diversity*” yang tinggi terkesan teruk akibat serangan berdarah ini. Ini mendorong bekas Perdana Menteri New Zealand Jacinda Ardern menubuhkan The Christchurch Call to Action Summit pada 15 Mei 2019 di Paris, Perancis, dua bulan setelah berlakunya insiden penembakan di masjid Al Noor dan Linwood Islamic Centre.



Gambar Rajah 7.6: Imej Pembunuh Brenton Tarrant bersiaran secara langsung melalui platform Facebook dalam serangan masjid Al Noor dan Linwood Islamic Centre di Bandar Christchurch, New Zealand.

Inisiatif The Christchurch Call adalah untuk menghapuskan pengganas dan bahan-bahan bacaan yang berkaitan dengan ekstremis dan keganasan di atas talian. Lebih 50 negara menyokong inisiatif ini termasuk Amerika Syarikat, Britain, Jerman dan Korea Selatan, termasuk syarikat-syarikat besar seperti Facebook, Meta, Amazon, Google, Microsoft, YouTube, Zoom dan Twitter/X. Justeru, berdasarkan kedua-dua kes yang dibincangkan tersebut, jelas pada kita bahawa platform media sosial selalu dieksploitasi oleh pengganas.

Menyedari situasi ini, kerajaan melalui agensi penguat kuasa seperti polis telah merangka strategi untuk membanteras penyalahgunaan media sosial untuk tujuan ini. Sebab itulah Malaysia telah terlibat secara aktif dalam memerangi dan menumpaskan pengganas, dengan penubuhan unit khusus di Bahagian Counter-Terrorism (E8), Jabatan Cawangan Khas, Polis Diraja Malaysia yang berusaha keras untuk mencegah penyebaran keganasan di peringkat domestik. Inisiatif menentang ekstremisme ganas juga telah dibuat melalui komunikasi strategik, penapisan kandungan dan “*countering narrative*” berkesan untuk mengatasi naratif ekstremis (SEARCCT,

2023). Inisiatif ini dilakukan secara kerjasama antara agensi kerajaan, universiti, masyarakat sivil, media dan pakar-pakar dalam “*preventing and countering violent extremism*” (PCVE) di Malaysia.

Di samping kaedah memerangi naratif pelampau di atas talian, Jabatan Counter-Terrorism, Polis Diraja Malaysia juga melakukan operasi penahanan individu yang dituduh melakukan keganasan. Tangkapan ini dilakukan sebagai langkah pencegahan dan ia perlu difahami dalam konteks melindungi keselamatan negara. Meskipun begitu, pihak berkuasa juga memastikan hak asasi manusia tidak dilanggar. Inisiatif terbaru dalam memerangi ancaman ekstremisme ganas ini adalah melalui pembinaan National Action Plan on Preventing and Countering Violent Extremism (NAPPCVE) pada Mac 2021. Projek pembinaan NAPPCVE ini berakhir pada tahun 2022 dan akan dilancar pada tahun 2024.

RUMUSAN

Berdasarkan perbincangan tersebut, beberapa kesimpulan boleh dibuat. Pertama, ekstremisme dan media sosial di Malaysia saling berkait rapat. Platform media sosial telah digunakan oleh individu dan kumpulan pelampau sebagai alat propaganda, pengrekrutan dan pembinaan jaringan atau rangkaian (El-Muhammady, 2023). Perkara ini berlaku kerana kemudahan Internet menyediakan persekitaran yang amat kondusif untuk penyebaran wacana ekstremis, dengan ruang siber dan media sosial berfungsi sebagai instrumen untuk menyebarkan ideologi pelampau (Ahmad et al., 2023).

Kedua, media sosial menyediakan pelbagai fasiliti kepada pengguna dan ruang yang cukup luas serta boleh digunakan untuk tujuan perkongsian maklumat. Malangnya, fasiliti dan ruang ini dieksploitasi dengan sebaik mungkin oleh kumpulan ekstremis dan penganas seperti Daesh dan *far-right extremism*. Dalam kata lain, mereka mengeksploitasi hak-hak dan ruangan yang disediakan dalam konteks demokrasi dan pascamoden ini untuk menyebarkan wacana ekstremisme.

Ketiga, kumpulan ekstremis dan pengganas membina sistem pengrekrutan yang sistematik dan efisien untuk merekrut ahli baharu. Tiga langkah utama yang digunakan iaitu penyebaran dan perkongsian maklumat secara terbuka dan besar-besaran, proses seleksi dan “*talent-spotting*” untuk dimasukkan dalam proses induksi, dan akhir sekali ialah melaksanakan operasi. Dalam kes *far-right extremism* pula, mereka menggunakan fasiliti media sosial untuk penyebaran maklumat dan kegiatan mereka, di samping mewujudkan jaringan global.

Keempat, bagi menghadapi ancaman ini, Malaysia telah terlibat secara aktif dalam memerangi dan menumpaskan pengganas, dengan penubuhan unit khusus di Bahagian Counter-Terrorism (E8), Jabatan Cawangan Khas, Polis Diraja Malaysia yang berusaha keras untuk mencegah penyebaran keganasan di peringkat domestik. Di samping kaedah memerangi naratif pelampau di atas talian, E8 juga melakukan operasi penahanan individu yang dituduh melakukan keganasan. Tangkapan ini dilakukan sebagai langkah pencegahan dan ia perlu difahami dalam konteks melindungi keselamatan negara. Meskipun begitu, pihak berkuasa juga memastikan hak asasi manusia tidak dilanggar.

RUJUKAN

- Ahmad Munawar Ismail, Wan Kamal Mujani & Kartini Aboo Talib@Khalid. (2023). Memahami Kerangka Undang-Undang Ekstremisme di Malaysia. *REKAYASA – Journal of Ethics, Legal and Governance*. 51(1), 2005, 51-61.
- Ahmed, A.S. (2007). *Postmodernism and Islam: Predicament and Promise*. Routledge.
- Bailard. C.S. (2014). *Democracy's Double-Edged Sword: How Internet Use Changes Citizens' Views of Their Government*. Johns Hopkins University Press.
- Cambridge Dictionary (2024). Retrieved on 10 August 2024 from “Online Cambridge Dictionary” <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/social-media>

- Deutsche Welle. (2012, Jun 16). Germany Cracks Down on Salafists. Retrieved on April 4, 2022, from <https://www.dw.com/en/germany-cracks-down-on-salafists/a-16028222>
- El-Muhammady, A. (2023). A 'Blue Ocean' for Marginalised Radical Voices: Cyberspace, Social Media and Extremist Discourse in Malaysia' in Benjamin YH Loh and James Chin, *New Media in the Margins Lived Realities and Experiences from the Malaysian Peripheries*. Palgrave, Mcmillan.
- Indeed Editorial Team (2023). What are the different types of social media. <https://www.indeed.com/career-advice/career-development/types-of-social-media>
- Laporan Analisa Pakar.(2019). Ahmad El-Muhammady. Diserahkan pada Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. (Tidak diterbitkan).
- RAND Report. (2018). ISIS's Use of Social Media Still Poses a Threat to Stability in the Middle East and Africa. Retrieved April 4, 190 2022, from <https://www.rand.org/blog/2018/12/isis-use-of-social-media-still-poses-a-threat-to-stability.html>
- SEARCCT's Selection of Articles 2023 Special Issue: Building Digital Resilience in Preventing and Countering Violent Extremism. (2023). Southeast Asia Regional Centre for Counter-Terrorism, Ministry of Foreign Affairs. Kuala Lumpur.
- Tarrant, B. (2019). The Great Replacement: Towards A New Society. https://dl1.cuni.cz/pluginfile.php/1192779/mod_resource/content/1/Tarrant_vyber%20%281%29.pdf
- Temu bual bekas perekrut 1 kumpulan Daesh, Kuala Lumpur, 10 November 2019.
- Temu bual bekas perekrut 2 kumpulan Daesh, Kuala Lumpur, 10 November 2019.

BIODATA PENYUNTING

KAMARULNIZAM ABDULLAH ialah Profesor dan Felo Utama di Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS). Beliau juga ialah Ketua Pengasas, Pusat Ikatan Malaysia-Indonesia (iKMI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Fokus penulisan dan penyelidikan beliau adalah dalam bidang keselamatan negara dan sempadan, terorisme dan militan agama. Antara penerbitan terbaharu beliau ialah, “Financial innovations in terrorism financing: a case study of Malaysian terror financing” (*Journal of Criminological Research, Policy and Practice*, 2024), “Malaysia’s navigation against Salafi-Wahabi ideological expansionism: state’s strong role and societal resilience” (*Studia Islamika*, 2022); “Political Islam and Democracy in Malaysia,” (*Secularism, Religion and Democracy in Southeast Asia*, Oxford University Press, 2019) dan “Malaysia: Adapting to the Dynamic Changes of Terrorist Threats” (*Non-Western Responses to Terrorism*, Manchester University Press, 2019).

NORAZAM MOHD NOOR merupakan Pegawai Tugas-tugas Khas kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Beliau terlibat secara aktif dalam menjalankan kajian-kajian mengenai aspek keselamatan, kesejahteraan rakyat dan peningkatan tadbir urus organisasi awam. Antara penerbitan terbaharu beliau ialah “Measurement of public opinion on security: the case of Malaysia” (*Journal of Crime, Law and Social Change*, 2024), “Financial innovations in terrorism financing: a case study of Malaysian terror financing” (*Journal of Criminology Research, Policy and Practice*, 2024),

dan “Perception and possibilities of the Malaysian Commission of the Registry of Societies Establishment” (*Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 2024). Beliau juga telah memenangi beberapa anugerah dalam penulisan, antaranya Anugerah Buku Negara 2023 dan Anugerah MAPIM-KPT ke-14.

JAMALIAH SAID ialah Profesor dan Felo Penyelidik Utama Institut Penyelidikan Perakaunan, di Universiti Teknologi MARA. Beliau telah menerbitkan lebih daripada 150 artikel dalam jurnal-jurnal terkemuka dan juga bertugas sebagai Editor untuk dua jurnal yang terkenal, iaitu *Malaysian Accounting Review* (terindeks Scopus) dan *Asia Pacific Management Accounting Journal* (terindeks WoS). Bidang penyelidikan utama beliau meliputi perakaunan, siasatan penipuan, tadbir urus, akauntabiliti dan pengurusan strategik. Prof. Jamaliah telah menerima pelbagai anugerah, termasuk dari Emerald Publishing, “Anugerah Artikel Terbaik MIA” dari Institut Akauntan Malaysia dan Anugerah Penyelidik Terbaik untuk Sains Sosial pada tahun 2022 di UiTM.

LOKMAN EFFENDI RAMLI merupakan Ketua Eksekutif di Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSOM), Kementerian Dalam Negeri. Beliau berkelulusan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari Universiti Waseda, Tokyo, Jepun serta terpilih untuk mengikuti Program Pembangunan Kepimpinan (SMDP PETRONAS-INSEAD) dan Program Kepimpinan Digital (EDLP Asia School of Business – MIT Sloan School of Management). Penglibatan beliau dalam projek penyelidikan lain secara kerjasama strategik IPSOM-Universiti Awam pada masa ini termasuklah Kajian Indeks Keselamatan Sempadan Negara (IKSN), Kajian Kebolehlaksanaan Pembangunan Sistem Kawalan Sempadan Negara (NBCS) serta Kajian Perancangan Masa Hadapan bagi Mengurangkan Kesesakan dan Meningkatkan Keselamatan di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ), Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB).

BIODATA PENULIS

ABDULLAAH JALIL merupakan pensyarah kanan di Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau juga terlibat sebagai ahli jawatankuasa Syariah dalam industri perbankan, takaful, retakaful, wakaf dan koperasi. Beliau berpengalaman sebagai ahli panel deradikalisasi dan pakar rujuk bagi kes-kes keganasan yang disiasat oleh pihak berkuasa Malaysia. Penulisan terbaru beliau antara lain ialah *Definisi Ahli Sunnah Wal Jama'ah* (Wisdom Publication, 2024) dan “Pengurusan dana wakaf tunai bagi pembangunan ekonomi umat Islam: Pengalaman Yayasan Wakaf Malaysia (YWM)”. (*International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 2022).

AEMRAN BIN MUSTAFA ialah Pegawai Kanan Polis berpangkat Senior Assistant Commissioner (SAC) yang kini bertugas di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Putrajaya. Beliau adalah mantan Pegawai Turus Seksyen Ancaman Ekstremis Luar - Kajian Asia Tenggara, Cawangan Khas, Bukit Aman. Selain itu, beliau juga adalah mantan Deputy Superintendent Police (DSP) di Kedutaan Besar Malaysia di Washington, Amerika Syarikat. Beliau juga mantan Pengarah Bahagian Latihan di Pusat Serantau Asia Tenggara Bagi Mencegah Keganasan (SEARCCCT) Kementerian Luar serta mempunyai pengalaman luas dalam bidang siasatan, soal siasat dan aspek ancaman ekstremis luar.

AFZAL IZZAZ ZAHARI ialah pensyarah kanan di Pusat Pengajian Pengurusan, Universiti Sains Malaysia dan Penyelaras Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS) dan Service-Learning Malaysia (SULAM) Pusat Pengajian Pengurusan. Fokus penyelidikan beliau tertumpu kepada bidang Audit dan Integriti. Antara penerbitan terkini beliau, “Financial innovations in terrorism financing: a case study of Malaysian terror financing” (*Journal of Criminological Research, Policy, and Practice*, 2024) dan “Challenges to reintegration: a case study of violent extremist detainees and their reintegration into Malaysian society” (*Safer Communities*, 2024).

AHMAD EL-MUHAMMADY ialah Penolong Profesor dan Ketua Unit Kajian dan Inovasi di International Institute of Islamic Thought and Civilisation (ISTAC-IIUM). Beliau juga memegang beberapa jawatan antaranya Felo Bersekutu di International Centre for Counterterrorism (ICCT) di The Hague, Belanda; Felo Penyelidik Bersekutu, Accounting Research Institute (ARI), Universiti Teknologi MARA dan perunding bebas untuk program International Criminal Investigative Assistance Program (ICITAP), Criminal Division, U.S. Department of Justice. Antara tulisan terbaharu: “Managing the returning foreign terrorist fighters and their families: Malaysian experience” (*The International Centre for Counterterrorism (ICCT)*, The Hague, 2024) dan *Penambahbaikan program pemulihan keganasan di Malaysia* (Institut Keselamatan Awam Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, 2023).

AHMAD NORISHAM MA'ARUS ialah Pegawai Kanan Polis berpangkat Senior Assistant Commissioner (SAC) yang kini bertugas di Ibu pejabat Polis Kelantan. Beliau adalah mantan Pegawai Turus Kajian dan Perancangan Strategik Bahagian Pencegahan Keganasan (E8) Cawangan Khas dan Mantan Pegawai Turus Seksyen Ancaman Ekstremis Luar - Kajian Timur Tengah/Asia Selatan/Afrika, Bahagian Ancaman Ekstremis Luar, Cawangan Khas. Beliau mempunyai pengalaman luas di lapangan dalam bidang siasatan, pendakwaan, soal siasat dan penyelidikan dalam aspek ancaman kumpulan pelampau agama khususnya dan kumpulan penganas..

ASMA MUHAMMAD UTHMAN EL-MUHAMMADY ialah Penolong Profesor di Jabatan Usul al-Din dan Perbandingan Agama, Kulliyyah AbdulHamid AbuSulayman (AHAS) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM). Dr. Asma juga terlibat dalam kajian dan aktiviti mempromosikan hubungan harmoni antara masyarakat berbilang kaum, perbandingan agama, epistemologi Islam dan ketamadunan Islam. Antara dua penulisan terkini Dr. Asma ialah pengarang bersama dalam: *Penyucian jiwa dan jalan kerohanian menuju Tuhan* (KIRKHS, IIUM & Hayrat Malaysia, 2023) dan “Psycho-spiritual states of emotions and their interventions within Qur’anic narratives (*Keadaan emosi psiko-spiritual dan intervensinya dalam naratif Al-Qur’an*,” *Al-Hikmah: International Journal of Islamic Studies and Human Sciences*, 2022).

ASRUL SHAH BIN RAZALI merupakan Timbalan Setiausaha Bahagian di Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam, Kementerian Dalam Negeri. Beliau berkelulusan Sarjana Analisis Strategi dan Keselamatan dari UKM serta pernah menghadiri Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) (Akademi SPRM), Program Fighting Corruption Winter School (Ecole Nationale D’Administration, Perancis) dan Program Counter-Terrorism Course For 3 Southeast Asia Countries (JICA, Jepun). Beliau berpengalaman berkhidmat di pelbagai agensi kerajaan seperti Majlis Keselamatan Negara, Bahagian Istiadat dan Urus Setia Persidangan Antarabangsa dan Jabatan Perkhidmatan Awam selain pernah menjadi sebahagian anggota pemantau dalam Aceh Monitoring Mission di bawah Kesatuan Eropah. Penglibatan beliau dalam projek penyelidikan lain secara kerjasama strategik IPSOM-Universiti Awam termasuklah Kajian Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Mencegah dan Menangani Fahaman Pelampau Keganasan.

DANIAL MOHD YUSOF ialah Profesor Madya di Jabatan Sains Politik, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau juga merupakan Felo Penyelidik Bersekutu di Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN) sejak 2012 dan juga menjadi Ketua Pengarang *Jurnal Intellectual Discourse* dan ahli lembaga

pengarang *Jurnal Parlimen Malaysia*. Danial aktif dalam penyelidikan dasar dan tadbir urus dalam pendidikan tinggi, falsafah politik dan juga PCVE (Mencegah dan Melawan Ekstremisme Keganasan). Antara penerbitan beliau sebagai penulis bersama adalah “Understanding Malaysian Youth’s social media practices and their attitude towards violent extremism” (*Intellectual Discourse*, 2022) dan, “The APPGM-SDG (All Party Parliamentary Group Malaysia for Sustainable Development Goals): Towards mainstreaming SDG in issues and solutions of parliamentary constituencies” (*Jurnal Parlimen Malaysia*, 2021).

ELEY SUZANA KASIM merupakan Profesor Madya di Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan, Malaysia. Beliau juga merupakan Felo Penyelidik di Institut Penyelidikan Perakaunan (ARI). Mempunyai kelulusan PhD dalam bidang perakaunan dan berpengalaman mengajar di UiTM selama lebih 30 tahun. Minat penyelidikan semasa beliau adalah dalam bidang pencegahan pelampau keganasan, penipuan pelaburan, governans dan perakaunan pengurusan. Penerbitan terkini beliau antaranya “Examining technology improvement, procedural application and governance on the effectiveness of zakat distribution” (*International Journal of Ethics and Systems*, 2024) dan “Pembangunan modul pemulihan ajaran sesat” (*Strategi Pengurusan Keselamatan dan Ketenteraman Awam: Kompilasi Kertas Polisi*, IPSOM, Kementerian Dalam Negeri. 2023).

FARAH AIDA AHMAD NADZRI ialah Fellow Penyelidik dan Koordinator (Penyelidikan & Inovasi) di Institut Penyelidikan Perakaunan (ARI-HICoE) serta Pensyarah Kanan di Fakulti Perakaunan, Universiti Teknologi MARA (UiTM). Merupakan penerima Biasiswa Skim Penyelidik Muda dari ARI-HICoE, beliau telah menamatkan pengajian PhD beliau dalam bidang Perakaunan dari Universiti Teknologi MARA. Beliau turut memiliki Ijazah Sarjana Perakaunan dari Auckland University of Technology, New Zealand, serta Ijazah Sarjana Muda Perdagangan dengan pengkhususan dalam Perakaunan, Kewangan, dan Sistem Maklumat dari University of

Canterbury, New Zealand. Beliau kini aktif dalam menjalankan penyelidikan dan konsultasi dalam pelbagai bidang termasuklah kewangan mikro Islam, perusahaan sosial, tadbir urus korporat, dan pengurusan risiko. Selain dijemput sebagai penceramah oleh pelbagai organisasi tempatan dan antarabangsa, beliau turut dilantik sebagai Pakar Rujuk kepada Jawatankuasa Taskforce Pelaksanaan Formula Pendanaan Baharu (NFF) Universiti Awam oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

FAZLIDA MOHD RAZALI ialah pensyarah kanan di Institut Penyelidikan Perakaunan (ARI), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam. Penyelidikan beliau tertumpu kepada audit, tadbir urus korporat, kawalan dalaman dan pengurusan risiko dalam organisasi. Antara penerbitan terkini beliau adalah “Objectivity Threats: Would it Jeopardise Malaysian Internal Auditors’ Risk Judgment Quality?” (*Intellectual Discourse*, 2023) dan “Examining the role of personality traits, digital technology skills and competency on the effectiveness of fraud risk assessment among external auditors” (*Journal of Risk and Financial Management*, 2022).

MASLINAWATI MOHAMAD memperoleh PhD dalam bidang Kewangan dari University of Sussex, United Kingdom, Sarjana Sains Perakaunan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), dan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Malaya (UM), Malaysia. Bidang penyelidikan beliau meliputi kriminologi kewangan, perbankan, dan kewangan korporat. Beliau pernah berkhidmat di sebuah firma audit, Azman, Wong dan Salleh di Kuala Lumpur serta di Pusat Matrikulasi di Pahang. Selepas lima tahun sebagai pensyarah di Fakulti Perakaunan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Johor, beliau kini bertugas di Fakulti Perakaunan di UiTM Cawangan Selangor.

MOHD FAUZI HAMAT ialah Profesor Akademi Islam, Universiti Malaya. Kepakaran beliau tertumpu kepada Aqidah, Pemikiran Islam dan Falsafah Islam. Penerbitan terkini beliau antaranya “Godless minds: Exploring the rise and influence of new atheist thinkers” (*Jurnal Usuluddin*, 2023) dan “The impact of postmodernism on the thought of Indonesian Muslim Intellectuals (IMIs) (*Journal of Islamic Thought and Civilization*, 2023).

MOHD HIZAM HANAFIAH merupakan Profesor Madya dalam bidang Keusahawanan dan Pengurusan Organisasi di UKM. Penyelidikannya tertumpu dalam bidang keusahawanan, pengurusan strategik, perniagaan francais dan kajian keganasan. Beliau terlibat dalam kajian keganasan mulai 2016 selain dilantik sebagai panel deradikalisasi dan pakar rujuk kes keganasan oleh Kementerian Dalam Negeri semenjak 2017. Beliau aktif sebagai penceramah dan pembentang selain menghasilkan buku dan puluhan artikel di akhbar tentang ancaman fahaman pelampau dan kumpulan penganas.

MOHD IZANI MOHD ZAIN ialah profesor di Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan (JPKK), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Felo Penyelidik di Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya (UMCEDEL). Bidang kepakaran beliau adalah politik dan kerajaan, dan Islam dan Demokrasi. Minat beliau juga dalam dasar dan amalan pendidikan tinggi dan kini dilantik sebagai Pengerusi, Pertubuhan Pembangunan Penyelidikan dan Dasar Pendidikan Tinggi Malaysia (PenDaPaT). Penerbitan terbaharu beliau antaranya, “Views on student political freedom post-uuca amendment and implementation of undi18: a case study of public universities in southern Malaysia” (*Journal of Sustainability Science and Management*, 2023) dan “Democratic dilemma of Malay Islamic Party: PAS, coalition pattern, and rising social issues” (*Studia Islamika*, 2022).

MOHD SHAHRIL BIN MOHD SHAH ialah Pegawai Kanan Polis berpangkat Inspektor yang kini bertugas di Bahagian Ancaman Ekstremis Luar, Cawangan Khas, Bukit Aman. Beliau adalah mantan Pensyarah Pengajian Perisikan Cawangan Khas, Maktab Polis Diraja Malaysia, Kuala Kubu Bharu, Selangor. Beliau mempunyai pengalaman di lapangan dalam aspek ancaman ekstremis luar.

MUHAMMAD RASHIDI WAHAB ialah pensyarah kanan di Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Kampus Gong Badak, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu Darul Iman. Kepakaran beliau tertumpu kepada Akidah, Pemikiran Islam, Ideologi Moden dan Mantik. Penerbitan terkini beliau termasuklah “Fahaman ateis Melayu mengenai Islam dalam media sosial: Analisis kandungan Facebook” (*Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 2023) dan “Jihadism influence in the movement of radical religious extremism: Threat to the sound aqidah of cyber users” (*Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 2023).

NOR BALKISH ZAKARIA ialah seorang Profesor Madya di Institut Penyelidikan Perakaunan (ARI), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia. Beliau mempunyai latar belakang akademik yang kukuh dalam bidang perakaunan, khususnya perakaunan Islam dan tadbir urus korporat. Nor Balkish telah terlibat secara aktif dalam penyelidikan dan penerbitan yang merangkumi pelbagai topik seperti tadbir urus zakat, kewangan Islam, dan integriti kewangan. Beliau juga memainkan peranan penting dalam membangunkan kajian penyelidikan di peringkat nasional dan antarabangsa serta sering dijemput sebagai penceramah untuk membincangkan topik-topik berkaitan kewangan Islam dan perakaunan. Penglibatannya dalam projek penyelidikan antarabangsa dan jaringannya dengan pelbagai institusi akademik dan industri turut memperkukuhkan sumbangannya kepada bidang perakaunan. Dengan komitmen yang tinggi terhadap pendidikan, Nor Balkish aktif dalam membimbing pelajar pascasiswazah dan terlibat dalam aktiviti perundingan di sektor awam dan swasta.

NOOR AZHAR MISTAR merupakan Timbalan Setiausaha Bahagian, Cawangan Pengurusan Belanjawan, Bahagian Kewangan, Kementerian Kesihatan Malaysia. Beliau merupakan mantan Setiausaha Bahagian, Urusetia Lembaga Pencegahan Jenayah dan Keganasan, Kementerian Dalam Negeri. Fokus penyelidikan beliau tertumpu pada kedudukan dan keabsahan proses rehabilitasi serta deradikalisasi yang dilaksanakan kepada tahanan atau banduan di bawah undang-undang antikeganasan di Malaysia. Tesis Ijazah Sarjana beliau bertajuk *Rehabilitasi tahanan Jemaah Islamiyah Di Bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960: Undang-undang dan keperluan Pasca 11 September 2001 hingga 22 Jun 2012*. Beliau kini sedang melanjutkan pengajian Doktor Falsafah di UKM.

NOOR HASLINA ISMAIL merupakan pelajar ijazah Doktor Falsafah di Institut Penyelidikan Perakaunan (ARI), UiTM. Beliau berkelulusan Sarjana Perakaunan Forensik dan Kriminologi Kewangan dari UiTM Shah Alam. Penyelidikan beliau tertumpu kepada siasatan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Projek terbaharu beliau adalah mengkaji cabaran yang dihadapi oleh pegawai penyiasat dalam menyiasat kes berkaitan pembiayaan keganasan di Malaysia. Penerbitan terkini beliau, "The importance of professional skepticism in detecting money laundering: investigating officers' perspective" (*Asia-Pacific Management Accounting Journal (APMAJ)*, 2023).

NORAZIDA MOHAMED ialah seorang akauntan bertauliah yang mempunyai kepakaran pelbagai dalam penyiasatan perakaunan forensik, pemeriksaan poligraf, penyelidikan dan penceramah dalam pelbagai bidang. Penyelidikan beliau terutamanya tertumpu kepada isu-isu berkaitan dengan penipuan, pengubahan wang haram dan kawalan dalaman dalam organisasi. Tesis Ph.D. beliau berjudul *Exploring internal control of financial statement fraud in public interest companies*.

NORHAYATI MOHAMED adalah profesor dan juga Timbalan Pengarah (Ijazah Sarjana Muda dan Antarabangsa) di Institut Penyelidikan Perakaunan (ARI), UiTM. Norhayati telah menjalankan penyelidikan dan menerbitkan dalam bidang pelaporan kewangan, perancangan strategik dan tadbir urus korporat. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengarah Pejabat Pengurusan Program (PMO), Kementerian Pendidikan Tinggi dan menyelia pembangunan dan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015–2025 (Pendidikan Tinggi). Antara penerbitan terkini beliau termasuklah “Strengthening accountability and governance of crowdfunding: enhancing funding of higher educational institutions” (*Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 2023) dan “Investor sentiment under the Maqasid Al-Shari’ah compliance asset pricing model: a behavioral finance approach to Islamic finance” (*Asia-Pacific Management Accounting Journal (APMAJ)*, 2023).

NORLIAH SELAMAT ialah mantan Pegawai Kanan Polis dengan pangkat terakhir sebagai Senior Assistant Commissioner (SAC) yang bersara pada bulan Ogos 2024. Beliau pernah menjadi Pegawai Keselamatan kepada DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Ke-8, Ke-9, Ke-10, dan Ke-11 dari tahun 1988 hingga 1999. Selain itu, beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pegawai Ancaman Ekstremis Sosial di Bahagian E2 Cawangan Khas Bukit Aman, dengan kajian khusus terhadap Kumpulan Pendekas dan Alam Sekitar, serta Ekstremis Ajaran Sesat Islam.

Beliau juga pernah menjadi Pegawai Siasatan dan Perundangan di Bahagian E6 Cawangan Khas Bukit Aman yang mengendalikan kes-kes tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) 1960 dan kemudiannya kes-kes tahanan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) SOSMA 2012. Norliah turut terlibat dalam Op Daulat, dan pernah berkhidmat sebagai Pegawai Intelligen Luar Negara- ASEAN di Bahagian E3 Cawangan Khas Bukit Aman.

Dalam kerjayanya, Norliah juga pernah menjadi Pegawai Turus (PT) Ancaman Ekstremis Haluan Kiri di Bahagian E4 Cawangan

Khas Bukit Aman, di mana beliau mengkaji ancaman komunisme, sosialisme, dan haluan kiri. Jawatan terakhir beliau adalah sebagai Ketua Penolong Pengarah Bahagian E7 Cawangan Khas Bukit Aman yang menguruskan pentadbiran, perkhidmatan, kewangan, pendaftaran fail, dan logistik Cawangan Khas.

NUR AIMA SHAFIE merupakan pensyarah kanan di Institut Penyelidikan Perakaunan (ARI), UiTM Shah Alam. Penyelidikan beliau tertumpu kepada kriminologi kewangan, tadbir urus, digital audit, perusahaan sosial dan keselamatan siber. Kini beliau turut berminat untuk mengkaji tentang aktiviti pembiayaan keganasan. Penerbitan terbaharu beliau termasuk, “Consumer behaviour in online travel: how does continuous purchase behaviour formed in digital age?” (*Jurnal Manajemen Bisnis*, 2024) dan “Enhancing digital social innovation ecosystems: A Pythagorean Neutrosophic Bonferroni Mean (PNBM) - DEMATEL Analysis of barriers factors for young entrepreneurs” (*Journal of International Journal of Neutrosophic Science*, 2024).

NUR AYUNI MOHD ISA merupakan seorang pensyarah kanan dalam bidang politik dan kerajaan di Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia. Minat dan bidang kajian beliau ialah kerjasama antara parti politik, sejarah parti politik dan kenegaraan. Antara artikel beliau yang terkini ialah “Faktor Pembentukan Kerjasama Politik Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dengan parti politik di Malaysia dari 1974-2022” (*Jurnal Sains Insani*, 2023) dan “The influence of the Pan-Malaysian Islamic Party (PAS) coalition formation after the 14th Malaysian general election” (*International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. 2023).

RAFIDAH MOHAMAD NOOR merupakan Pengarah Pusat Penyelidikan Awam dan Analisis Dasar, Institut Keselamatan Awam Malaysia, Kementerian Dalam Negeri. Sebagai seorang Pegawai Tadbir dan Diplomatik, beliau mempunyai pengalaman bertugas di beberapa kementerian dan jabatan, antaranya Akademi Kepimpinan

Pengajian Tinggi, Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU JPM), Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Antara penglibatan beliau dalam projek penyelidikan adalah Kajian Keberkesanan Tindakan Antara Agensi Dalam Menangani Kes Pemerdagangan Orang dan Kajian Kebolehlaksanaan Pembangunan Sistem Kawalan Sempadan Negara.

RAJA MUHAMMAD KHAIRUL AKHTAR RAJA MOHD NAGUIB adalah calon Doktor Falsafah dan Penyelidik di Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Antarabangsa (ISTAC-IIUM). Penyelidikan beliau memberi fokus kepada dasar awam, dengan minat khusus dalam pencegahan dan ekstremisme menentang kekerasan (PCVE). Penerbitan terkini beliau termasuk, “Understanding Malaysian youth’s social media practices and their attitude towards violent extremism” (*Intellectual Discourse*, 2022) dan “An overview of the policy actors and their functions in Counter Violent Extremism (CVE) Policy implementation in Malaysia” (*Journal of Public Security and Safety*, 2021).

SALWA ZOLKAFLIL merupakan pensyarah kanan di Institut Penyelidikan Perakaunan (ARI), UiTM Shah Alam. Penyelidikan beliau tertumpu kepada kriminologi kewangan, pencegahan pengubahan wang haram. Kini beliau turut berminat untuk mengkaji tentang aktiviti pembiayaan keganasan. Penerbitan terkini beliau, “Compliance determinants of anti-money laundering regime among professional accountants in Malaysia” (*Journal of Money Laundering Control*, 2023) dan “Money laundering framework for professional accountants: Post Covid-19” (*Journal of Nusantara Studies*, 2023).

SHARIFAH NAZATUL FAIZA SYED MUSTAPHA NAZRI merupakan Profesor Madya di Fakulti Perakaunan dan Felo penyelidik di Institut Penyelidikan Perakaunan (ARI), UiTM. Penyelidikan beliau tertumpu kepada audit dan siasatan, audit forensik, *fraud* dan pengubahan wang haram. Penerbitan terkini beliau, “Assessing Professional Skepticism and fraud detection among management

accountants: The case of Malaysian public companies” (*Studies on Social and Education Sciences*, 2023) dan “The influence of professional skepticism on fraud detection: The case of Malaysian non-big 4 auditors” (*Management & Accounting Review*, 2023).

PELAMPAU KEGANASAN di Malaysia

Sejarah, Isu & Ancaman

Keganasan melampau terbentuk daripada pelbagai orientasi sama ada daripada individu ataupun kumpulan. Aksi keganasan ini terhasil daripada sikap untuk mempertahankan ideologi politik yang berbeza daripada penerimaan majoriti ataupun luar daripada sistem yang diamalkan oleh sesuatu masyarakat atau negara. Ideologi yang ingin diperjuangkan dinilai melampau daripada pegangan nilai dan norma masyarakat. Namun mereka yang memegang kuat ideologi yang "menyongsang" ini percaya bahawa ideologi tersebut dapat memperbaiki kepincangan masyarakat ataupun menstrukturkan semula negara. Mereka ini merupakan golongan minoriti tetapi percaya bahawa ideologi mereka boleh diterapkan walaupun dengan menggunakan keganasan. Buku ini menghimpunkan 10 bab berkenaan keganasan melampau merangkumi permulaan dan sejarah terbentuknya kumpulan keganasan, aktiviti-aktiviti yang dilakukan sehinggalah akta atau hukuman yang dikenakan terhadap pelampau keganasan. Buku ini adalah sebahagian daripada projek penyelidikan IPSOM dalam membangunkan Pelan Tindakan Kebangsaan Bagi Mencegah dan Menangani Fahaman Pelampau Keganasan (National Action Plan for Preventing and Countering Violent Extremism) atau NAPPCVE bersama-sama dengan para penyelidik dari UKM, UiTM, UM, UIAM, USIM, USM, UniSZA dan UPM serta pengamal dan pembuat dasar keganasan dan keselamatan.



Penerbit
USIM PRESS

ISBN 978-629-7636-84-9



4800

9 786297 636849

<http://penerbit.usim.edu.my>